

ADAT TEMENGGUNG DALAM NOVEL SESEORANG  
UNTUK AKU: TEORI SOSIOLOGI OLEH EMELI  
DURKHEIM

MAIZATUL NAJIHA BINTI NORIZAM

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN

2024



**ADAT TEMENGGUNG DALAM NOVEL SESEORANG  
UNTUK AKU: TEORI SOSIOLOGI OLEH EMELI DURKHEIM**

**MAIZATUL NAJIHA BINI NORIZAM  
(C20B1533)**

**Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat memperoleh Ijazah sarjanah  
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**FEBRUARI 2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah



SULIT

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

*Maizatul najiha*

---

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: MAIZATUL NAJIHA BINTI NORIZAM

No. Kad Pengenalan: 990418-04-5018

Tarikh 13 Februari 2024

*Sudirman*

---

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: **SUDIRMAN BIN KIFFLI**

Tarikh: **15 FEBRUARI 2024**

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan rasa kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana telah memberikan kesihatan yang baik kepada saya semasa menjalankan dan menyempurnakan kajian ini dengan baik dan lancar. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu dan bapa yang saya hormati dan sayangi. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak mereka banyak memberikan sokongan, dorongan serta galakan kepada saya semasa saya menjalankan dan menyempurnakan kajian ini.

Dalam pada itu, terima kasih tidak terhingga diucapkan juga kepada pensyarah kami iaitu En. Sudirman Bin Kiffl yang banyak membantu dan membimbing saya dalam menjalankan kajian ini, daripada mula hingga ke akhir kajian. Selain itu, terima kasih juga diajukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan berkongsi maklumat serta pandangan mereka mengenai kajian yang saya jalankan. Tidak ketinggalan ucapan jutan terima kasih saya tujukan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan yang telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti sumber internet yang baik, sumber rujukan dan sebagainya dalam membantu saya melaksanakan kajian ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada diri saya sendiri yang tak jemu-jemu dalam menuntut ilmu. Tahniah kepada diri saya yang telah berusaha keras dan sangat komitet dalam menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin memohon kemaafan atas kesilapan saya daripada mula menjalankan kajian hingga ke akhir kajian sekiranya saya telah melakukan kesalahan sama ada secara sengaja maupun tidak sengaja. Saya berharap agar segala kekurangan yang saya miliki dapat dimaafkan serta saya akan memperbaiki kekurangan saya dari semasa ke semasa. Pelbagai ilmu dapat saya rungkaikan hasil daripada kajian yang saya jalankan dan berharap agar ilmu yang saya perolehi boleh diamalkan dan diambil iktibar.

Sekian Terima Kasih,  
Maizatul Najiha Binti Norizam  
Universiti Malaysia Kelantan  
13 Februari 2024  
3 Syaban 1445

## KANDUNGAN

| Bil                         | Tajuk                                   | Muka Surat |
|-----------------------------|---|------------|
| 1                           | Borang Perakuan Tesis                   | i          |
| 2                           | Penghargaan                             | ii         |
| 3                           | Kandungan                               | iii        |
| 4                           | Abstuk                                  | vi         |
| 5                           | Bab 1                                   | 1          |
| <b>PENDAHULUAN</b>          |   |            |
|                             | 1.0 Pengenalan                          |            |
| 6                           | 1.1 Permasalahan Kajian                 | 5          |
| 7                           | 1.2 Persoalan Kajian                    | 6          |
| 8                           | 1.3 Objektif                            | 6          |
| 9                           | 1.4 Batasan Kajian                      | 7          |
| 10                          | 1.5 Kepentingan Kajian                  | 9          |
| 11                          | 1.6 Metodologi Kajian                   | 11         |
| 12                          | 7.0 Organisasi Kajian                   | 13         |
| 13                          | 8.0 Kesimpulan                          | 16         |
| 14                          | Bab 2                                   | 17         |
| <b>SORETAN KAJIAN LEPAS</b> |   |            |
|                             | 2.0 Pengenalan                          |            |
| 15                          | 2.1 Adat Temenggung                     | 19         |
| 16                          | 2.2 Novel                               | 23         |
| 17                          | 2.3 Teori Sosiologi                     | 25         |
| 18                          | 2.4 Kesimpulan                          | 28         |
| 19                          | Bab 3                                   | 29         |
| <b>Metodologi Kajian</b>    |   |            |
|                             | 3.0 Pengenalan                          |            |
| 20                          | 3.1 Definisi Teori Sosiologi            | 32         |
|                             | 3.1.1 Latar Belakang Teori              | 32         |
|                             | 3.1.2 Teras-teras dalam Teori Sosiologi | 33         |

|    |   |    |
|----|---|----|
| 21 | 3.2 Metodologi Kajian   | 35 |
|    | 3.2.1 Kajian Perpustakan  | 35 |
|    | 3.2.2 Jurnal  | 36 |
|    | 3.2.3 Analisis Teori  | 36 |
|    | 3.2.4 Analisis Teks   | 37 |
|    | 3.2.5 Kaedah Kajian Internet  | 38 |
| 22 | Bab 4   | 39 |
|    | ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN   |    |
| 23 | 4.0 Pengenalan  |    |
|    | 4.1 Kajian Keberkesanan Adat Temenggung Dalam Novel <i>Seseorang Untuk Aku</i> Karya Rehan Makhtar  | 41 |
|    | 4.1.1 Kehidupan ( Masyarakat)   | 42 |
|    | 4.1.2 Kehidupan (Kekeluargaan)  | 44 |
|    | 4.1.3 Kehidupan (Persahabatan)  | 47 |
|    | 4.1.4 Kemanusiaan (Sifat Syukur)  | 49 |
|    | 4.1.5 Kemanusiaan (Insaf)   | 51 |
|    | 4.1.6 Kemanusiaan (Solat)   | 53 |
|    | 4.1.7 Hidup Masyarakat ( Kasih Sayang)  | 54 |
|    | 4.1.8 Hidup Masyarakat (Tanggungjawab)  | 56 |
|    | 4.1.9 Adat Istiadat (Perkahwinan)   | 57 |
| 24 | 4.2 Analisis Teori Sosiologi Yang Menjadi Pengukuh Kepada Adat Temenggung Dalam Novel <i>Seseorang Untuk Aku</i>  | 61 |
|    | 4.2.1 Biodata Tokoh   | 62 |
|    | 4.2.2 Teori Sosiologi yang menjadi pengukuhan kepada Adat Temenggung dalam Novel <i>Seseorang Untuk Aku</i> . Emile Durkheim meletakkan teori sosiologi kepada beberapa pecahan antaranya faktor sosial yang mengandungi kepercayaan beragama, konsep kecantikan, cara berpakaian serta bahasa dalam menilai sosial masyarakat. | 63 |
|    | 1) Kepercayaan Beragama   | 63 |
|    | 2) Konsep Kecantikan  | 65 |
|    | 3) Cara Berpakaian  | 67 |
|    | 4) Bahasa   | 69 |

|    |                       |    |
|----|-----------------------|----|
| 25 | Bab 5<br>KESIMPULAN   | 73 |
| 26 | 5.0 Pengenalan        |    |
| 26 | 5.1 Kesimpulan Kajian | 75 |
| 27 | 5.2 Cadangan Kajian   | 77 |
| 28 | Rujukan               | 80 |

**SENARAI RAJAH:**

| Bil | Tajuk  | Muka surat |
|-----|--|------------|
| 1   | Rajah 1: Kajian Utama Teori Sosiologi Terhadap Masyarakat                                  | 33         |
| 2   | Rajah 2: Novel <i>Seseorang Untuk Aku</i> Karya Rehan Makhtar                              | 37         |
| 3   | Rajah 3: Pecahan Adat Temenggung Yang Terdapat Dalam Novel <i>Seseorang Untuk Aku</i>      | 41         |
| 4   | Rajah 4 Pecahan Teori Sosiologi Oleh Emeli Durkheim Dalam Novel <i>Seseorang Untuk Aku</i> | 61         |

## ADAT TEMENGGUNG DALAM NOVEL SESEORANG UNTUK AKU: TEORI SOSIOLOGI OLEH EMELI DURKHEIM

### ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji eleman Adat Temenggung dalam *novel Seseorang Untuk Aku* mengaplikasikan teori Sosiologi dari Emeli Durkheim sebagai salah satu pendekatan dalam menyempurnakan kajian ini. Dalam memantapkan penelitian terhadap teks, pengkaji telah memfokuskan dua objektif utama iaitu Mengkaji keberkesanan Adat Temenggung dalam *novel seseorang Untuk Aku* Karya Rehan Makhtar dan juga menganalisis Teori Sosiologi yang menjadi pengukuhan kepada Adat Temenggung dalam *novel Seseorang Untuk Aku*. Bukan itu sahaja, antara kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah kaedah kualitatif bagi memperoleh maklumat melalui data sekunder. Di samping itu, reka bentuk yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah melalui kaedah kepustakaan dengan mendapatkan maklumat daripada bahan bercetak seperti buku dan jurnal. Selain itu, kajian juga menggunakan sumber-sumber daripada internet. Penganalisan kajian adalah bersandarkan kepada teori sosiologi daripada Emeli Durkheim. Analisis teks dalam kajian ini, adalah untuk mengenal pasti eleman Adat Temanggung yang terdapat dalam *novel Seseorang Untuk Aku*. Dapatkan daripada kajian ini memaparkan sistem kemasyarakatan yang membentuk adat dalam kalangan mereka yang mampu mengeratkan keharmonian dan kekeluargaan sesama mereka. Pengkaji turut mengenal pasti sosiologi masyarakat setempat dalam *novel Seseorang Untuk Aku* berlandaskan pandangan Emeli Durkheim sebagai pelopor utama teori berkenan. Ia bagi membentuk keharmonian sejagat dalam kalangan Masyarakat.

**Kata kunci:** Adat Temenggung, Sosiologi, Masyarakat

**THE CUSTOM OF TEMENGGUNG IN THE NOVEL SESEORANG UNTUK AKU:  
SOCIOLOGICAL THEORY BY EMELI DURKHEIM**

**ABSTRACT**

*The main purpose of this study is to examine the elements of the Temenggung custom in the novel Seseorang Untuk Aku, applying Sociological theory from Emeli Durkheim as one of the approaches in completing this study. In strengthening the research on the text, the researcher has focused on two main objectives, which is to study the effectiveness of the Temenggung custom in the novel Seseorang Untuk Aku by Rehan Makhtar and also to analyze the Sociological Theory that strengthens the Temenggung custom in the novel Seseorang Untuk Aku. Not only that, among the methods used in conducting this study is a qualitative method to obtain information through secondary data. In addition, the design applied in this study is through library methods by obtaining information from printed materials such as books and journals. In addition, the study also uses sources from the internet. The analysis of the study is based on sociological theory from Emeli Durkheim. The analysis of the text in this study is to identify the elements of the Temenggung custom found in the novel Seseorang Untuk Aku. Findings from this study shows a social system that forms customs among those who are able to strengthen harmony and kinship among themselves. The researcher also identified the sociology of the local community in the novel Seseorang Untuk Aku based on the views of Emeli Durkheim as the main pioneer of the theory of consent. It is to create universal harmony among the Society.*

**Keywords:** Temenggung Custom, Sociology, Society

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Pada era permodenan hari ini Malaysia dan negara serantaunya sering berlumba-lumba dalam mengejar kemajuan serta pemodenan kepada negara agar rakyat dapat hidup dengan harmoni dan berdaya saing di peringkat tertinggi dalam konteks masyarakat. Namun begitu masyarakat sering kali alpa dan terlupa akan adat serta budaya yang telah diwarisakan kepada kita hari ini. Adat sebagai warisan bangsa perlulah dipertahankan oleh masyarakat terutamnya orang Melayu. Menurut M.M. SAHID, A. AB RAHMAN dan M. I. HAMI (2018) adat dari segi bahasa adalah merujuk kepada kebiasaan sehari-hari masyarakat atau peraturan-peraturan yang menjadi tabiat utama masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa adat merujuk pada aturan atau undang-undang tidak tertulis yang mengatur perilaku dan tidakkan hubungan antara individu dalam masyarakat. Adat berlaku melalui proses pembelajaran sosial dan diturunkan dari generasi ke generasi ini termasuk perkahwinan dan amalan budaya. Adat memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya sesebuah komuniti dan juga penting sebagai garis panduan tingkah laku yang boleh diterima dalam komuniti. Secara keseluruhannya, adat merupakan aspek penting dalam kehidupan masyarakat Melayu dan masyarakat lain di seluruh dunia, mencerminkan nilai, norma dan tradisi yang membentuk identiti unik orang Melayu. Maka dengan itu adat telah membina konteks budaya bagi mengeratkan hubungan antara individu dalam masyarakat melalui pendekatan kemasyarakatan yang utuh. Melalui pengamalan adat sebagai tradisi masyarakat Melayu dapat dilihat perpaduan dan keharmonian, yang memupuk semangat setiakawan dan persaudaraan antara satu sama lain.

Seterusnya, Adat Temenggung di Tanah Melayu adalah suatu bentuk peraturan yang tidak asing lagi dalam dunia persejarahan Melayu. Dimana Adat Temenggung dibentuk

bagi mengikat peraturan kepada masyarakat agar sebuah negeri yang aman dan sentosa dapat dibina. Menurut S. IDRIS (2023), di mana Abdullah Siddik ada menjelaskan Adat Temenggung diamalkan di seluruh negeri di Tanah Melayu kecuali di Negeri Sembilan di mana ia mengamalkan Adat Perpatih. Adat yang berasal dari Minangkabau ini dibentuk oleh Datuk Ketemenggungan beliau merupakan abang tiri kepada pengasas Adat Perpatih iaitu Datuk Perpatih Nan Sebatang yang mana mereka berdua berasal daripada Sumatera. Telah menggariskan pelbagai bentuk peraturan yang bertujuan membina permuafakatan dalam kalangan masyarakat. Hal ini jelas membuktikan bahawa keadatangan adat ini adalah bagi membantu mengekalkan kesinambungan budaya di Tanah Melayu. Pelbagai aspek kehidupan diliputi, seperti cara berpakaian, cara bercakap, dan adat perkahwinan bagi memelihara warisan budaya bangsa agar tidak dilupakan masyarakat melalui perbaian yang telah berlaku. Dengan memelihara adat Temenggung, masyarakat Melayu dapat memastikan warisan budaya mereka diwarisi secara turun-temurun. Maka dengan itu, Adat Temenggung telah bercampur dengan adat Melayu di setiap negeri berikutan kerana setiap negeri di tanah Melayu menggunakan bagi membentuk masyarakat harmoni dan memiliki aturan yang sempurna pada masanya.

Oleh itu, Adat Temenggung secara dasarnya telah sebati dalam masyarakat, dalam pelbagai aspek seperti undang-undang, sosial dan budaya secara dasarnya telah membawa perubahan kepada masyarakat yang mengamalkannya. Adat banyak mempengaruhi kehidupan sehari-hari masyarakat secara segaja atau tidak. Oleh itu, tidak hairanlah terdapat banyak novel-novel tempatan yang mencatatkan perihal budaya dan adat tersebut sebagai landasan kepada budaya masyarakat. Terdapat pelbagai novel-novel tempatan yang menerapkan unsur Adat Temenggung dalam aspek sosiologi, ia kerana aspek ini dilihat sangat dekat dengan masyarakat dalam menyebarkan fahaman mengenai kemasyarakatan yang telah berlaku di Malaysia. Novel secara umumnya merupakan bahan bacaan yang sangat populer yang telah menjadi kebiasaan

masyarakat. Menurut Alfi Yuda (2022), novel merupakan suatu bentuk karya sastera yang berbentuk prosa, yang memiliki unsur intrinsik dan ekstrinsik. Isi novel lebih panjang dan lebih kompleks dari cerpen. Ia dihasilkan kebaikannya mengisahkan mengenai sosial kehidupan masyarakat dan sarat dengan pengajaran yang boleh diambil agar masyarakat dapat belajar mengenai kehidupan. Biasanya novel diterbitkan dalam bentuk buku, ia menceritakan kisah melalui perkembangan watak, plot, dan latar. Ia selalunya mengandungi konflik, peristiwa dan tema yang memberi inspirasi kepada pembaca dan membolehkan mereka melihat dunia dari perspektif yang berbeza. Ia juga boleh merangkumi pelbagai genre, termasuk novel, fantasi, percintaan, misteri dan fiksyen sains. Novel sering menjadi medium untuk menyampaikan mesej, idea, dan kritikan sosial. Sebagai salah satu bentuk sastera yang paling popular, novel ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap budaya dan seni. Ia telah memberikan pembaca pengalaman yang mendalam dan meninggalkan ruang untuk imaginasi dan refleksi. Oleh itu, novel dianggap sebagai medium yang kuat untuk menghiburkan, mendidik, dan memberi inspirasi kepada pembaca. Ekoran daripada permintaan masyarakat sangat memberangsangkan kepada penulis-penulis tempatan telah menghasilkan karya yang terbaik. Sebagai contoh novel, ‘*Seseorang Untuk Aku*’ karya Rehan Makhtar yang memaparkan kehidupan sosial masyarakat seperti perkahwinan, kehidupan berkeluarga, pekerjaan dan kehidupan besosial sebagai bentuk pengajaran kepada masyarakat melalui kisah yang sampaikan.

Walau bagaimanapun, dalam mempertahankan adat dalam masyarakat teori sosiologi adalah pengukuh kepada pembentukan masyarakat melalui pandangan Emeli Dukheim sebagai pelopor utama teori berkenaan. Mustofa, A. Z. (2020) juga menyatakan bahawa, Durkheim percaya kekuatan ini terletak di luar individu, tetapi individu juga berpartisipasi di dalamnya, dan itu adalah masyarakat itu sendiri. Perkara ini jelas menunjukkan kekuatan sosial ini bergantung kepada individu itu sendiri dalam

melaksanakna kemahuan bersama masyarakat. Durkheim turut berpikiran bahwa masyarakat yang bersosial adalah sebuah ketahanan dan keamanan bagi kelompok tersebut. Oleh itu, teori sosiologi ialah himpunan konsep, prinsip, dan pandangan yang digunakan untuk menjelaskan fenomena sosial dalam masyarakat. Ini membantu kita memahami cara individu berinteraksi dalam masyarakat dan bagaimana struktur sosial dan corak tingkah laku muncul. Teori ini digunakan bagi mengkaji Novel ‘Seseorang Untuk Aku’ karya Rehan Makhtar, konteks pengukuhan dalam hujah-hujah yang berkaitan masyarakat. Teori Sosiologi daripada Emile Durkheim, yang melihat kajian sosiologi beliau dengan menekankan konsep faktor sosial serta bagaimana beliau melihat konsep masyarakat dalam kajian beliau.

Kesimpulannya, adat temenggung adalah suatu lambang adat yang tidak asing lagi bagi masyarakat Melayu di Malaysia. Secara tidak langsung adat yang sering dilupakan ini, dapat menarik masyarakat agar lebih menghargai budaya dan warisan yang telah di berikan melaui kajian novel *Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Mohtar sebagai pandangan masyarakat hari ini. Novel ini ada menggariskan perihal mengenai Adat Temenggung secara tersirat dan perlu diteliti oleh semua berdasarkan teori sosiologi daripada Emeli Durkheim.

### 1.1 Permasalahan Kajian

Bahagian ini menjelaskan atau mengumpulkan permasalahan kajian yang berlaku. Permasalahan hendaklah dinyatakan secara menyeluruh agar kajian yang dijalankan, berjalan dengan sempurna. Terdapat beberapa permasalahan yang dapat diwariskan daripada kajian ini.

Pertama kajian ini menggariskan penekanan Adat Temenggung kurang mendapat perhatian. Ia kerana masyarakat sering beranggapan Adat Temenggung adalah perkara biasa yang sering di jalankan oleh masyarakat. fungsi adat pada hari ini dipandang remeh oleh sesetengah kelompuk masyarakat yang tidak mengerti kepentingan adat temenggung untuk mereka. Maka dengan itu kajian ini mengaitkan antara novel moden yang memperlihatkan kehidupan masyarakat untuk menggariskan fungsi adat temenggung agar dapat membuka minda masyarakat mengenai kepentingan adat ini.

Kedua adalah permasalahan dilihat dari segi penggunaan Teori sosiologi sebagai keberkesanan kajian kepada Adat Temenggung dalam *Novel Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar. Hal ini kerana gabungan Adat Temenggung dan Teori Sosiologi dalam sesebuah kajian novel moden adalah suatu kajian yang tidak mendapat sambutan dan belum diterokai oleh pengkaji-pengkaji yang lain lagi. Maka idea ini mampu membuka lembaran akademik yang baru kepada masyarakat dalam memahami konsep Adat Temenggung dengan lebih jelas.

## 1.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ialah soalan yang ditanya kepada kajian untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang penyelidikan yang dijalankan. Persoalan kajian membimbing proses penyelidikan dan membantu penyelidik menetapkan matlamat, merancang kaedah dan mengumpul data yang berkaitan.

### 1.2.1 Apakah keberkesanan Adat Temenggung dalam *novel seseorang*

*Untuk Aku* Karya Rehan Makhtar?

### 1.2.2 Bagaimanakah Teori Sosiologi yang menjadi pengukuhan kepada

Adat Temenggung dalam *Novel Seseorang Untuk Aku*?

## 1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini disertakan dua objektif kajian bagi memandu kajian ini agar tidak tersasar landasan berdasarkan tajuk kajian yang telah dipersetujui. Hal ini bagi mengangkat budaya cinta akan adat yang disuntik kepada masyarakat melalui kajian novel moden sekaligus diperkuuh oleh Teori Sosiologi dari pelopor sosiologi utama iaitu Emile Durkheim:

### 1.3.1 Mengkaji keberkesanan Adat Temenggung dalam *novel seseorang*

*Untuk Aku* Karya Rehan Makhtar.

### 1.3.2 Menganalisis Teori Sosiologi yang menjadi pengukuhan kepada

Adat Temenggung dalam *novel Seseorang Untuk Aku*.

#### 1.4 Batasan Kajian

Kajian ini adalah tertumpu kepada beberapa aspek yang dikira sangat membantu dalam mengembangkan lagi kajian ini. Aspek yang pertama adalah berkaitan dengan penggunaan Adat Temenggung dalam *novel Seseorang untuk Aku* karya Rehan Makhtar. Yang mana ia kerana Adat Temenggung adalah suatu adat atau peraturan yang telah menjadi kelaziman dalam diri setiap masyarakat. Adat Temenggung yang telah diamalkan di semua negeri di Tanah Melayu kecuali Negeri Sembilan. Adat ini mempunyai sejarah serta perkembangan yang menarik kerana adat ini masih diguna pakai sehingga ke hari ini. Hal ini telah menunjukkan keunikan adat ini yang dilihat kurang diperhatikan oleh masyarakat pada hari ini ekoran kerana sering mengejar kemajuan. Adat Temenggung adalah elemen kebudayan yang penting sebagai warisan negara terutamanya kepada orang Melayu. Maka dengan itu pengaplikasian adat ini dalam novel-novel moden tempatan perlu dikaji bagi mengangkat dan memartabat status adat tersebut kepada masyarakat. Ia sebagai suatu promosi yang baik kepada masyarakat.

Seterusnya, kajian ini menggunakan Teori Sosiologi bagi pengukuhan kajian yang bakal dijalankan. Tujuannya adalah bagi memandu kajian ini sebagai aspek pengukuhan kepada hujah-hujah yang telah dibentangkan sepanjang kajian ini dijalankan. Teori ini juga memfokuskan kajian mengenai skop yang bakal dikaji seperti perkahwinan, masyarakat serta hubungan kekeluargaan yang mana elemen ini bernaung di bawah aspek sosial masyarakat. Dengan mengangkat pemikiran daripada Emile Durkheim yang merupakan seorang tokoh yang sangat mahir dalam bidang kajian sosiologi masyarakat yang mana beliau menekankan kepada keharmonian dalam masyarakat yang membentuk sistem sosial yang utuh. Bagi Mengelakkan keseimbangan dan perpaduan sosial. Beliau juga melihat masyarakat sebagai satu sistem bahagian yang saling berkaitan yang berfungsi untuk mencapai matlamat bersama.

Dalam pada itu, kajian ini juga tertumpu kepada kajian terhadap teks ia itu novel *Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar. Yang mana kajian ini akan tertumpu kepada sistem sosial masyarakat yang ditunjukkan dalam penulisan novel tersebut. Ia seperti perkahwinan, hubungan adik beradik, percintaan dan sebagainya yang menumpukan kepada sosial masyarakat. Novel ini memperlihatkan kesimbangan kemasyarakatan bagi mewujudkan sistem sosial sekaligus membentuk sistem adat yang berjaya. Maka dengan itu kajian ini hanyalah tertumpu kepada karya ini sahaja kerana karya ini telah membuka konteks masyarakat yang sangat luas dan memberi pengajaran kepada semua.

Kesimpulannya, batasan atau skop yang digariskan dalam kajian ini adalah adat temenggung yang merupakan simbol kepada peraturan silam yang telah sebat dengan masyarakat di Malaysia. Kedutan penekanan dilakukan kepada batasan terhadap kajian teori sosiologi daripada Emile Durkheim yang merupakan tokoh ulung dalam bidang sosiologi. Bagi mengukuhkan kajian ini sebuah teks kajian perlu iaitu *Novel Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar yang mana kajian menekankan kepada keberkesanan Adat Temenggung dalam karya tersebut berpaksikan Teori Sosiologi. Secara tidak langsung adat ini sering yang telah dilupakan masyarakat akan menjadi kajian akademik yang membantu kepada kelangsungan kepada kehidupan masyarakat di Malaysia.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Bahagian ini memfokuskan mengenai kepentingan kajian ini dijalankan. Hal ini kerana setiap kajian yang dilakukan seharusnya memberi impak kepada masyarakat agar kajian ini menjadi sumber rujukan bagi kajian-kajian mendatang. Ia bagi menambah konteks ilmu yang sedia ada, agar skopnya lebih luas. Ia berikutnya kerana pada hari ini Adat Temenggung seringkali dipandang mudah oleh pengkaji-pengkaji lain kerana dianggap mudah berbanding Adat Perpatih. Maka dengan itu tugas serta tanggungjawab kajian ini dilaksanakan bagi menambah konteks ilmu semasa agar dapat menjadi teladan kepada masyarakat. Tambahan pula kaitan dengan novel moden iaitu *novel Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar yang sangat dekat kepada masyarakat dapat menambahkan lagi kefahaman mereka.

Seterusnya kajian ini menggunakan pendekatan Teori Sosiologi sebagai rujukan pendekatan bagi mendapatkan konsep yang sebenar bagi peringkat sosial dalam novel tersebut. Melalui teori ini dapat diperhatikan bahawa aspek sosial adalah suatu elemen yang penting dalam membangunkan masyarakat. Aspek ini dapat dilihat dari segi perkahwinan, hubungan kemasyarakatan serta pertalian adik beradik. Ia adalah satu elemen yang utama dalam membentuk perpaduan. Kajian ini menekan segala aspek tersebut agar masyarakat mendapat impak yang positif dan akan menjadi lebih berguna. Maka dengan itu teori ini dikira sangat bersesuaian dalam membentuk perpaduan kepada masyarakat.

Dalam pada itu, kajian di gambarkan akan memberi impak yang difikirkan berguna kepada pelbagai sektor yang memerlukan kajian ini. Hal ini kerana kajian ini dijalankan adalah bagi memenuhi tuntutan akademik yang memperuntukkan kajian ini dilaksanakan secara menyeluruh. Terdapat pelbagai aspek yang akan menerima impak di atas kajian, antaranya aspek akademik, kerajaan serta komuniti. Hal ini kerana kajian

yang diutarakan akan menjadi bahan rujukan serta pembelajaran kepada umum. Daripada sudut pandang aspek akademik kajian ini sangat berguna sebagai rujukan umum dalam mempelajari serta menghayati kontes Adat Temenggung yang merupakan suatu perlambangan kepada kemegahan sebuah kerajaan di Tanah Melayu.

Selain itu, kajian ini juga dapat dikira akan memberi impak kepada kerajaan. Di Mana pihak kerajaan akan dapat melahirkan masyarakat yang bermuafakat serta saling hormat-menghormati sekaligus dapat melahirkan keunggulan bangsa yang berkualiti serta berkelibел. Hal ini akan dapat direalisasikan setelah kajian ini menjadi tatapan umum. Selanjutnya kesan kepada komuniti turut diambil kira apabila kajian ini disebarluaskan kepada umum. Ia kerana tujuan kajian di memberi pendidikan serta tambahan ilmu kepada khalayak yang mana kajian ini sebagai bahan ilmiah yang membagunkan modal insan.

Natijahnya, kajian di ini dilihat memberi potensi yang besar dalam pembangunan nilai kemasyarakatan dalam jiwa pembaca. Potensi ini mendatangkan kesimbangan dimana kajian mengenai kesejarahan adalah salah kajian yang kurang mendapat tarikan pada hari ini maka kajian ini melengkapannya. Harapan saya bagi kajian yang mendatang di harap masyarakat akan lebih terbuka minda dalam menerima bahan-bahan ilmiah seperti ini dalam konsep pendidikan yang umum. Disamping itu langkah yang produktif juga diberikan supaya bentuk-bentuk kajian sebegini mendapat sambutan masyarakat.

## 1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif merupakan satu pendekatan dalam penyelidikan sosial yang bertujuan untuk memahami makna dan konteks fenomena sosial daripada pelbagai perspektif. Kaedah kualitatif biasanya digunakan dalam penyelidikan yang mengkaji topik yang kompleks, serta subjektif seperti persepsi, nilai, kepercayaan dan pengalaman peribadi. Berikut merupakan kedah yang dijalankan bagi menyelesaikan kajian ini:

### 1.6.1 Kajian Kepustakaan

Kajian ini dicadangkan menggunakan kajian perpustakaan yang mana perpustakaan adalah tempat segala lubuk ilmu pengetahuan ada terkandung disitu. Perpustakaan adalah Gedung ilmu yang terbaik dalam menjalankan kajian ini. Maklumat yang terdapat diperpustakan adalah daripada sumber ilmu yang sahih dan tepat. Bagi melengkapkan kajian ini, ia adalah suatu sumber utama dalam mendapatkan isi yang tepat serta berguna dalam menyempurnakan kajian ini.

### 1.6.2 Jurnal

Dengan menjalankan rujukan daripada jurnal-jurnal kajian lepas daripada sarjanah-sarjanah yang berpengalaman sebagai sumber ilmiah adalah keutamaan bagi kajian ini. Kajian yang dihasilkan telah melalui penelitian yang mendalam dan dapat membantu kajian ini agar lebih cermelang. Di mana kajian ini rujukan daripada jurnal adalah sangat bermanfaat bagi menambah idea-idea serta informasi terbaik dalam penulisan kajian.

### 1.6.3 Analisis Teori

Bahagian ini menjelaskan bahawa analisa teori adalah kaedah yang digunakan dalam memperkuuh kajian ini. Di mana, kajian ini menggunakan teori sosiologi daripada Emile Durkheim seorang tokoh sosiologi terkenal dalam bidangnya. Analisis dijalankan berdasarkan pandangan dan penulisan dari Durkheim mengenai masyarakat serta dikaitkan dengan Adat Temenggung sebagai peraturan masyarakat.

### 1.6.4 Analisis Teks

Teks yang digunakan adalah Novel ‘Seseorang Untuk Aku’ karya Rehan Makhtar. Karya ini akan dikaji sepanjang penyelidikan ini dijalankan dengan keseluruhan teks digunakan. Teks ini dipilih kerana terkandung pelbagai sistem sosiologi masyarakat yang menarik untuk dijadikan kajian. Ia adalah seperti perkahwinan, hubungan persahabatan, adik beradik dan banyak lagi dirangkumkan dalam novel tersebut.

### 1.6.5 Kaedah Kajian Internet

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan tambahan idea-idea dan input yang tidak terdapat di jurnal dan perpustakaan. Kaedah ini adalah kaedah yang paling mudah dan pantas bagi mendapatkan maklumat atau info tambahan berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

## 1.7 Organisasi Kajian

Kajian ini secara umumnya dibahagikan kepada 5 bahagian bab. Dimana kajian ini mengelaskan secara umum mengenai rangka penulisan kajian yang bakal dijalankan bagi memandu ataupun memberi garis panduan yang terperinci kepada pengkaji mengenai kajian yang dijalankan. Hal ini adalah bagi memudahkan pengkaji dalam meneliti segala kerangka kajian yang dijalankan dengan lebih optimis dan tersusun. Bahagian ini juga telah penyimpulan secara menyeluruh mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji seperti berapa bab yang ditulis, skop dan sebagainya.

Seterusnya, bab 1 merangkumi pengenalan bagi kajian ini, dimana segala bentuk pengenalan bagi kajian yang dijalankan di letakkan secara rapi di bahagian ini. Ia merangkumi bahagian pengenalan, yang mana definisi Adat Temenggung serta perbandingan kecil antara Adat Temenggung dan Adat Perpatih di rangkumkan bersama. Beberapa pandangan sarjana turut diambil kira dalam bahagian ini. Permasalahan kajian, ialah bahagian yang dimana pengkaji menyenaraikan permasalahan yang dimiliki, yang merangkumi potensi kajian ini dilaksanakan. Pertama kurangnya kajian mengenai Adat Temenggung yang dijalankan pada hari ini kerana masyarakat beranggapan ia adalah peraturan yang biasa. Kedua penggunaan Teori sosiologi sebagai keberkesanan kajian kepada Adat Temenggung dalam *Novel Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar. Objektif kajian, menekankan 2 aspek garis panduan kajian, iaitu pertama Menganalisis keberkesanan Adat Temenggung dalam *novel Seseorang Untuk Aku* Karya Rehan Makhtar. Kedua, mengkaji Teori Sosiologi yang menjadi pengukuhan kepada Adat Temenggung dalam *Novel Seseorang Untuk Aku*. Skop dan batasan kajian, terbahagi kepada tiga bahagian Adat Temenggung sebagai konteks utama, Teori Sosiologi sebagai pengukuhan dan Teks kajian adalah *novel Seseorang Untuk Aku* Karya Rehan Makhtar. Kepentingan kajian, kajian ini penting sebagai bahan ilmiah kepada sektor akademik,

panduan rujukan masyarakat dan sebagai bahan tambahan pembelajaran dalam sektor pendidikan. Metodologi kajian adalah tertumpu kepada Analisis Teks, Kajian Internet, Kajian Perpustakaan, Jurnal serta Analisa Teori. Serta yang terakhir adalah organisasi kajian sebagai rangkuman ringkas kepada semua bab kajian dari bab 1 hingga 5.

Di samping itu, Bab 2 kajian ini merangkumi mengenai tinjauan lepas serat sorotan kajian lalu oleh penulis antarabangsa dan tempatan yang menjadi sumber rujukan yang utuh dalam kajian yang dijalankan. Dalam hal ini tiga aspek utama kajian iaitu Adat Temenggung, Teori Sosiologi dan *novel Seseorang Untuk Aku Karya Rehan Makhtar* diberi penekanan. Kajian-kajian seperti Adat Temenggung dan konsep sosiologi dalam masyarakat ditekankan sebagai bahan kajian. Semua kajian yang berkaitan dengan aspek kemahiran penulisan turut dijadikan bahan tinjauan lepas dan sebagai rujukan dalam penulisan kajian ini. Agar mengurangkan kesilapan fakta yang disampaikan.

Lain dari itu, kajian ini mempunyai Bab 3, yang mana bab ini menyentuh mengenai teori dan pengkaedahan yang digunakan dalam kajian dijalankan. Hal ini bagi memandu kajian agar kajian ini tidak tersasar daripada konteks sosiologi yang telah diterapkan di mana kajian ini menggunakan Teori Sosiologi dari Emile Durkheim yang merupakan seorang tokoh dalam bidang sosiologi yang telah membuat kajian mengenai masyarakat yang harmoni. Kajian yang dijalankan menjadi rujukan ekoran Emile Durkheim adalah seorang ilmuan yang disegani dalam bidang yang diceburinya.

Seterusnya, Bab 4, adalah bahagian analisis dan dapatan kajian dimana bahagian ini menempatkan segala aspek dapatan kajian yang telah diteliti dan dikaji. Dimana segala analisis data daripada *novel Seseorang Untuk Aku Karya Rehan Makhtar* dirangkumkan dengan meneliti Adat Temenggung yang terdapat di dalam novel tersebut beserta hujah yang kuat dari Teori Sosiologi dari Emile Durkheim dengan penuh teliti. Ia dibahagikan

kepada empat eleman utama iaitu aspek kehidupan, kemanusian, hidup masyarakat dan adat istiadat sebagai teras utama bagi menlengkapkan objektif satu kajian. Mana kala objektif dua merangkumi empat aspek utama iaitiu agama, konsep kecantikan, cara berpakian dan bahasa menurut Emile Durkheim. Data-data yang dirangkumkan adalah sebagai rangkuman kajian yang dijalankan.

Akhir sekali, kajian ini memperuntukkan kesimpulan dan cadangan kepada pengkaji akan datang pada akhir kajian ini, Bab 5 adalah bab yang terakhir adalah kesimpulan yang mana bab ini rangkumkan semua hasil penyelidikan yang telah dijalankan selama 5 bab ini. Kesimpulan atas penyelidikan yang dijalankan serta rangkuman dan pandangan daripada pengkaji bagi kajian ini. Cadangan turut dilakukan agar hala tuju Adat Temenggung dapat diperhatikan oleh setiap golongan masyarakat akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan bab, kajian ini telah menggariskan tiga aspek utama yang sangat penting iaitu adat temenggung yang merupakan simbol kepada peraturan silam yang telah sebat dengan masyarakat di Malaysia. Yang mana Adat Temenggung telah bertapak di Tanah Melayu sejak berkurun lamanya. Kedutan penekanan dilakukan kepada batasan terhadap kajian teori sosiologi daripada Emile Durkheim yang merupakan tokoh ulung dalam bidang sosiologi. Bagi mengukuhkan kajian ini sebuah teks kajian perlu iaitu Novel *Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar yang mana kajian ini adalah aspek ketiga kajian melalui teks. Ia menekankan kepada kepada keberkesanan Adat Temenggung dalam karya tersebut berpaksikan Teori Sosiologi yang mana segala bentuk sosial dan kelasnya akan digariskan dalam teori ini. Secara tidak langsung adat ini yang sering dilupakan masyarakat akan menjadi kajian akademik yang membantu kepada kelangsungan kepada kehidupan masyarakat di Malaysia. Harapan yang melalui kajian ini adat akan meningkat martabat Adat temenggung di mata masyarakat supaya lebih menghargai nilai warisan dan adat negara.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Pengenalan

Pada bahagian ini akan menerangkan atau mengutarakan beberapa kajian lepas yang dijadikan contoh dan sumber rujukan dalam menyelesaikan persoalan serta permasalahan berkaitan tajuk. Daripada sumber bacaan serta kajian ilmiah yang dijalankan bagi melengkapkan kajian ini, didapati terdapat beberapa rujukan dan sumber info bagi kajian ini. Yang mana kajian ini merangkumi tiga bahagian pertama adat Temenggung, Novel *Seseorang Untuk Aku* sebagai bahan teks kajian dan akhir sekali Teori Sosiologi sebagai pengukuhan karya.

Seterusnya, Pada bahagian Adat Temanggung ia merangkumi kajian mengenai pengertian-pengertian adat itu sendiri dari sarjanah, cendekiawan dan ahli akademik yang telah menjalankan kajian menyeluruh mengenai Adat Temanggung. Dimana Adat Temenggung di bentuk bagi mengikat peraturan kepada masyarakat agar sebuah negeri yang aman dan sentosa dapat di bina. Adat Temenggung juga diamalkan di seluruh negeri di Tanah Melayu kecuali di Negeri Sembilan dimana ia mengamalkan Adat Perpatih. Adat Temenggung di bentuk begitu unik bagi menyesuaikan dengan keadan di Tanah Melayu dan sekutunya.

Novel secara merupakan bahan bacaan yang sangat populer dan sangat ringkas yang telah menjadi kebiasaan masyarakat. Novel merupakan suatu bentuk karya sastra yang berbentuk prosa, yang memiliki unsur intrinsik dan ekstrinsik. Isi novel lebih panjang dan lebih kompleks dari cerpen. Novel adalah sebuah bentuk sastera yang begitu populer di Malaysia, novel banyak dicetak serta dipasarkan kerana mempunyai daya komunitasnya yang luas dalam kalangan masyarakat. Intipati novel sarat dengan kehidupan sosial masyarakat seperti percintan, perkawinan, hubungan rumah tangga dan

banyak lagi yang telah membawa novel ini sebagai konteks perhubungan masyarakat yang lengkap dalam mengmabarkan bentuk serta perilaku mereka.

Walau bagaimanapun, Teori Sosiologi turut menyumbang kepada pengaruh Adat Temenggung dalam Novel *Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar, yang mana teori ini berfungsi sebagai konteks pengukuhan dalam hujah-hujah yang disampaikan melalui kajian ini. Teori Sosiologi daripada Emile Durkheim, yang melihat kajian sosiologi beliau dengan menekankan konsep faktor sosial serta melihat bagaimana masyarakat dapat hidup secara harmonis melalui konsep tersebut dalam meahami keperluan masyarakat dalam menjalilkan hubungan sosial mereka.

Sebagai kesimpulannya kajian ini menumpukan sorotan kajian lepas daripada tokoh-tokoh sarjanah terpilih dengan berpandukan tiga aspek utama kajian tersebut agar kajian ini tidak tersasar daripada paksinya dalam meneruskan penyelidikan pada bab-bab seterusnya. Diharap sorotan kajian lepas ini dapat memperkuuhkan kajian yang dijalankan bagi dijadikan sumber rujukan akademik yang bermanfaat kepada negara, masyarakat dan agama itu sendiri. Juga tidak ketinggalan diharapkan supaya Adat Temenggung ini akan terus relevan dalam masyarakat agar keharmonian masyarakat dapat dipelihara dengan wujudnya perundangan silam yang membanggakan ini.

## 2.1 Adat Temenggung

Adat adalah sebuah bentuk peraturan bangsa yang sering kali mendapat perubahan mengikut zaman dan kepentingan masyarakat itu. Namun begitu kajian Adat Temenggung tetap mendapatkan perubahan agar adat ini dapat beradaptasi dengan masyarakat secara keseluruhannya. Menurut AJIS, A. B (2016), kedatangan Islam ke tanah Melayu pada sekitar akhir abad ke-15 telah membawa perubahan dalam struktur budaya, agar segala bentuk perbuatan berlandaskan hukum Allah S.W.T dapat dilaksanakan. Perubahan yang dialami adalah bagi membentuk masyarakat dengan nilai budi pekerti yang lebih baik sebagai seorang Melayu yang telah terkenal dengan nilai santun dan berbudi bahasa. Tunas Effendy (2005) juga menjelaskan prinsip ‘*bersendi syarak dan bersendi kitabullh*’ yang membawa kepada kepentingan dalam beragama sehingga segala perbuatan dan tingkah laku seharusnya berpandukan Al-Quran, As sunnah dan Hadits Rasulullah. Disini dapat dirumuskan bahwa adat bagi pandangan mereka adalah sebuah perubahan yang dilalui oleh masyarakat. Adat juga merupakan suatu aspek yang menerima pengaruh seperti pengaruh islam di tanah Melayu. Adat muncul di sesuatu kawasan mendapat faktor dan pengalaman yang berbeza kepada masyarakatnya. Maka dengan itu segala tidak balas yang dilakukan adalah suatu bentuk kepada penerima adat di sana. Adat adalah dinamik dan bukannya statik, iaitu ia sentiasa berubah mengikut keperluan ahli komuniti atau ahli masyarakat.

Seterusnya, kajian merujuk kepada penulisan AJIS, A. B., & IJAZAH, U. M (2016) yang bertajuk *Kesantunan Melayu Dalam Majlis Akad Nikah Adat Perpatih dan Adat Temenggung di Beberapa Daerah Terpilih*, dimana kajian ini merangkumi mengenai kejadian atau kejadian majlis akad nikah Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang mana kedua-dua adat ini mempunyai nilai keunikan tersendiri dalam menjalankan majlis. Seterusnya kajian ini membincangkan mengenai kesantunan lisan dan bukan lisan

semasa khutbah nikah. Hal ini kerana khutubah nikah adalah salah satu elemen yang penting bagi melambangkan adat sesebuah agama. Maka dengan itu setiap adat yang dibagunkan atau diwujudkan dalam masyarakat mempunyai nilai keunikan dan perbedaan tersendiri bagi membolehkan adat tersebut kekal pada paksinya dalam kalangan masyarakat.

Adat adalah suatu bentuk perundangan masyarakat yang telah wujud sekian lama, menurut Harun, J. (2008) dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian naskhah undang-undang adat Melayu di London* telah melihatkan bahawa dalam membuktikan kewujudan sesebuah adat itu wujud sejumlah besar manuskrip yang telah ditemui terutamanya manuskrip jawi yang telah berada di London sebagai bukti pengukuhan kajian. Hal ini mendorong kepada menelusuri minat awal cendikiawan British dalam penulisan undang-undang adat Melayu, di samping mengenal pasti ciri-ciri khusus undang-undang adat Melayu, dan menilai hubungan antara tradisi Melayu dan pemikiran Islam dalam konsep masyarakat Melayu silam tentang keadilan undang-undang. Perkara ini memperlihatkan intitusi adat bagi orang Melayu sangat unik dan berbeza sehingga mendapat perhatian negara luar. Maka dengan itu kajian itu memerlukan ke seimbangan dalam sistem undang-undang Melayu agar masyarakat jelas akan peranannya pada masa kini.

Selanjutnya, dalam kajian Ail, N. A. M. (2011), yang bertajuk *Kajian Terhadap Temenggung Dan Perpatih Satu Perbandingan Adat Istiadat Perkahwinan* menjelaskan mengenai penelitian mengenai masyarakat yang kamitit dalam menjalankan adat pada masa kini khususnya Adat Perpatih dan Adat Temenggung melalui perkawinan. Adat masih mendapat perhatian masyarakat dalam melangsungkan kehidupan bermasyarakat agar generasi muda dapat mengadaptasinya dengan lebih baik. Hal ini menunjukkan keseimbangan dalam sistem adat yang dimiliki sekaligus membawa masyarakat mengenai pengertian adat dengan jelas. Kesannya Adat Temenggung dapat membantu memelihara dan mengekalkan identiti budaya masyarakat Melayu. Dengan membentuk nilai-nilai

tradisional, dan adat resam yang diturunkan dari generasi ke generasi. Bagi membentuk budaya Melayu yang utuh.

Umum mengetahui pada zaman kesultanan Melayu silam, Melaka secara keseluruhannya mengamalkan Adat Temenggung dalam konteks perundangan dan kelangsungan hidup masyarakat zaman itu sehingga hari ini. Justeru itu, kajian lepas oleh Mamat, N. (2000) yang bertajuk *Adat Istiadat Perkahwinan Orang Melayu Lama Di Melaka* telah meneliti mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan adat perkahwinan di Melaka hari ini. Seterusnya, Kepentingan: Kertas kerja ini juga penting dalam mendokumentasikan khazanah budaya bangsa Melayu, supaya tidak luput dari ingatan bangsa Melayu masa hadapan. Maka dengan itu konteks adat dan perundangan di Melaka telah meningkatkan lagi mutu kebergunaan Adat Temenggung juga Adat Perpatih dalam kalangan masyarakat di sana.

Dalam pada itu, Jaafar, Shahhidah (2002), telah menjalankan sebuah penelitian mengenai *Adat perkahwinan tradisional Melayu Melaka* yang mana kajian ini mengenai penggunaan adat sebagai medium utama dalam keharmonian masyarakat. Adat yang menjadi warisan kepada masyarakat di Melaka dalam perkawinan yang kekal ada sehingga ke hari ini. "Adat Perkahwinan Tradisional Melayu Melaka" merupakan satu seni yang keunikannya tiada tandingannya. Ini kerana, ia mengandungi adat resam, pantang larang, adat dan kepercayaan, mempamerkan pakaian dan hiasan yang cantik, menyediakan makanan dan hiburan. Adat Temengong juga boleh menjadi ikatan sosial dalam masyarakat Melayu. Ia menyatukan masyarakat melalui adat resam, upacara keagamaan dan perayaan tradisional yang diadakan mengikut adat resam. Dalam erti kata lain, segala keunikan dan keistimewaan dalam adat ini perlu dipelihara, kerana ia adalah perjuangan keseluruhan nenek moyang kita untuk mengekalkan keindahan budaya kebangsaan ini dari semasa ke semasa.

Selanjutnya, dalam mengamati adat pembahagian harta juga adalah salah satu konteks yang penting dalam perundangan adat. Pembahagian harta tergolong dalam konteks sosial masyarakat yang membawa kepada kesatuan serta keharmonian dan kemamuran negara. Menurut Sulong, J. (2012), dalam penulisan yang bertajuk *Amalan Pembahagian Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia*, yang membincangkan mengenai pengaruh amalan dahulu kala kepada masyarakat hari ini. Hal ini menjelaskan bahawa harta dan pusaka adalah suatu pemberian yang berkaitan dengan masyarakat silam, ia kerana segala konteks pemberian adalah adat kepada masyarakat. Adat Temenggong juga merupakan cara untuk menghormati dan memelihara warisan nenek moyang. Amalan dan tatacara adat ini selalunya berdasarkan ajaran dan pengalaman yang diturunkan dari generasi terdahulu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.2 Novel

Kajian ini menumpukan kajian teks utama daripada novel *Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar. Menurut II, B. (2014), dalam karyanya yang bertajuk *Pengertian Novel* menjelaskan bahawa novel adalah novel pada pandangan beliau adalah karya fiksi yang baru, yang mana dari segi bahasa novel berasal dari perkatan *novellus* yang membawa kepada pengertian sesuatu baharu. Hal ini menunjukkan bahawa novel adalah suatu konteks baharu masyarakat namun mendapat penerimaan yang mengagumkan sekali. Oleh yang demikian novel menggunakan pendekatan masyarakat dalam penyampaian idea serta nilai kepada khalayak.

Seterusnya, dalam mengukuhkan pencarian menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017) menyimpulkan pengertian novel adalah adalah suatu bentuk prosa atau cerita yang menjadi kebiasaan dalam mengandungi cerita yang kompleks dan panjang, ia biasanya mengisahkan tentang kehidupan sosial seseorang serta tidak lupa juga harga novel yang murah menjadi tarikan kepada para pelanggan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kandungan novel kebanyakannya sangat dekat dengan kehidupan sosial masyarakat sehari-hari menyebabkan masyarakat gemar untuk membeli novel tersebut.

Menurut Kamus dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017), iaitu cinta adalah suatu perasan kasih dan sayang antara lelaki dan perempuan, suami dan isteri, yang sangat menebal di hati masing-masing. Hal ini jelas menunjukkan bahawa cinta adalah suatu sifat semula jadi manusia yang disampaikan antara berlainan jantina. Cinta adalah suatu perkara suci dan tidak harus dicemari dengan perbuatan-perbuatan maksiat seperti zina, kelahiran anak tidak sah taraf, sumbang mahram dan sebagainya. Oktaviani, N. P. S., & Sukmantara, N. (2020), juga menyatakan cinta adalah sebuah kata yang idah yang mewakili persaan kepada sesuatu yang sangat dihargai serta disukai oleh seseorang. Hal

ini kerana sifat semula jai ini lahir sejak azali lagi dalam diri manusia, yang mana mereka menggambarkan suatu bentuk penghargaan dengan penuh kasih dan sayang. Disebabkan itu, manusia hidup dengan lebih harmoni dan berkasih sayang.

Perkawinan adalah sesuatu yang sangat indah apabila senuah kasih dan sayang dapat disatukan dalam satu ikatan yang suci. Menurut Cahyani, T. D. (2020) dalam penulisanya yang bertajuk *Hukum Perkawinan* (Vol. 1) ada menerangkan pengertian perkawinan dari segi bahasa, ialah Zauraja dan Nakaha yang telah diangkat daripada perkataan Arab. Di dalam Al-Quran turut menyatakan mengenai perkawinan bagi umat islam. Zawaja membawa kepada pengertian pasangan manakala Nakaha bermaksud menghimpunkan, apabila dipahami kedua perkatan ini membawa kepada kesatuan dua orang insan menjadi satu. Melalui pengertian ini jelas diperlihatkan bahwa perkawinan adalah permulaan kepada kehidupan dua insan yang telah dijodohkan oleh Allah SWT di dunia. Maka sebagai pasangan yang baik hidup bertimbang rasa, hormat menghormati serta berkasih sayang adalah kunci pembuka kepada pintu-pintu kebahagiaan.

Perkawinan dilihat sangat bererti kepada setiap insan dan perlu difahami sewajarnya agar tiada pertengkaran hebat berlaku. Menurut pandangan Al-Mashri, S. M. (2016), perkahwinan adalah pernikahan itu seperti persatuan yang didasari oleh cinta dan kasih sayang. Jika demikian, kedua pasangan harus berusaha membuat satu sama lain bahagia. Di sini suami atau isteri tidak menanyakan apa hak dan kewajiban, namun, masing-masing dari mereka akan melakukan yang terbaik untuk membuat pasangannya bahagia. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perkawinan seharusnya dilayari dengan berlandaskan kebahagian kedua-dua pihak yang bersatu hati. Maka dengan itu keharmonisan bersama dapat dibentuk dan dibina tanpa ada kesangsian sesama mereka.

### 2.3 Teori Sosiologi

Dalam mengukuhkan sumber analisis kajian teori sosiologi dijadikan aspek pengokohan yang sangat penting dalam kajian. Tokoh utama rujukan kajian ini adalah Emile Durkheim merupakan seorang tokoh sosiologi yang hebat. Menurut Arif, A. M. (2020) telah berpendapat bahawa Durkheim sangat percaya bahwa tugas sosiologi adalah mempelajari apa yang disebutnya "fakta sosial", iaitu kekuatan dan struktur eksternal yang mampu memengaruhi perilaku individu. Dengan kata lain, fakta sosial adalah cara berperilaku, berpikir, dan merasa di luar individu, dan memiliki kekuatan koersif atas mereka. Fakta sosial yang dimaksud disini tidak hanya bersifat material, tetapi juga non-material, seperti budaya, agama, atau sistem sosial.

Seterusnya Mustofa, A. Z. (2020) juga menyatakan bahawa, Durkheim percaya kekuatan ini terletak di luar individu, tetapi individu juga berpartisipasi di dalamnya, dan itu adalah masyarakat itu sendiri. Terakhir, yang sakral tidak hanya bersifat sosial, tetapi juga merupakan bentuk sosial yang merepresentasikan dirinya kepada para anggotanya. Perkara ini jelas menunjukkan kekuatan sosial ini bergantung kepada individu itu sendiri dalam melaksanakan kemahuan bersama antara satu dan yang lain. Durkheim turut berpikiran bahawa masyarakat yang bersosial adalah sebuah ketahanan dan keamanan bagi kelompok tersebut.

Umanailo, M. C. B. (2019), dalam karyanya yang bertajuk *Emile Durkheim* menyatakan padangan mengenai pemikiran yang telah dibawa oleh Emile Durkheim ‘bapa sosiologi’ yang merupakan pemacu serta penggerak kepada sosiologi adalah dengan merujuk kepada kerangka organik yang dikemukakan oleh positivis Comte, maka pemikiran Durkheim penuh dengan positivisme. Tapi begitu juga poin Durkheim tanpa sangat berbeza dengan Comte, karena ciri positivisme Durkheim adalah usaha dalam satu-satunya cara untuk melihat masyarakat sebagai realitas organik yang terpisah

memiliki hukumnya sendiri. Hal ini kerana padanagan yang dibawa Durkheim lebih posesif kepada melihat kepada kekuatan dalam masyarakat dalam teori yang dibagunkan.

Dalam pada itu, sosiologi mempunyai sejarah tersendiri dalam mengukuhkan kewujudannya sehingga hari ini. Menurut Sunarto, K. (2005) dalam buku beliau bertajuk *Pengantar sosiologi* menerangkan dengan jelas sejarah teori sosiologi yang mana menurut Berger dan Berger, pemikiran sosiologis berkembang ketika masyarakat dihadapkan pada ancaman terhadap apa yang selama ini dianggap sudah seharusnya terjadi, dan sebenarnya dihadapkan pada apa yang dikatakan Berger dan Berger. Ancaman terhadap dunia yang diterima begitu saja (lih. Berger dan Berger, 1981: 30). Pemikiran sosiologis dimulai ketika hal-hal yang pernah dipegang oleh manusia berada dalam krisis menyebabkan masyarakat mula peke dalam menjalankan kajian sosiologi. Hal ini menunjukkan bahwa sebuah teori adalah punca kepada pendamaian suatu permasalahantan yang terbuku dalam masyarakat yang menyebabkan masyarakat tidak dapat bertoleransi lagi.

Teori Sosiologi dari pemikiran Emile Durkheim dilihat memberi kesan yang sangat positif kepada masyarakat yang mana terdapat juga kajian lepas yang dilihat menggunakan pandangan beliau sebagai kajian novel yang bertajuk *Realitas Sosial dalam Novel Cermin Jiwa Karya S. Prasetyo Utomo (Kajian Teori Emile Durkheim)* daripada Nugroho, M. D., & Supratno, H. (2020). Mereka menjalankan kajian dengan melihat faktor yang disampaikan oleh Emile Durkheim melalui novel cermin jiwa karya S. Prasetyo Utomo serta melihat kebenaran yang sering dilakukan oleh masyarakat yang mendapat pengaruh besar daripada luar dan bersifat memaksa yang bukan sama sekali pembawa budaya setempat. Kajian ini membawa pandangan Durkheim mengenai sosial masyarakat adalah lebih bersifat kebudayan dengan membendung pengaruh luar.

Menurt Ardin, F. (2010), dalam karyanya yang bertajuk *Waktu Sosial Perspektif Emile Durkheim* beliau menyatakan bahawa Durkheim menggambarkan bahwa sebuah

kekuatan untuk mempelajari dan memahami sesebuah masyarakat adalah sosiologi sebagai ilmu pengetahuan yang teratas. Dengan itu sebuah kajian dapat ditelusuri dengan lebih mendalam jika ilmu sosiologi menjadi tunggak kepada kajian kemasyarakatan. Maka kajian yang berkaitan dengan masyarakat akan lebih menyeluruh menurut Durkheim.

Sosiologi adalah penyelesaian pada permasalahan masyarakat. Menurut Haris, A. (2021), dalam bukunya yang bertajuk *Teori Sosiologi Modern* ada menyatakan bahawa Durkheim mengelaskan fakta sosial kepada dua perkara, iaitu yang pertama adalah alam bentuk kebendan seperti benda yang dapat dirasai, dilihat serta disentuh. Hal ini kerana ia membawa kepada keadaan dunia nyata yang telah membentuk sosial masyarakat. Kedua adalah bentuk non material atau tidak nyata, kerana sosial itu adalah perkara yang tidak nyata pada dasarnya namun merupakan fenomena yang bersifat inter subjective yang hanya dapat muncul dari dalam kesadaran manusia. Pembahagian aspek-aspek ini menjelaskan bahawa sosial adalah keadan masyarakat yang pelbagai ragam dan kemahuan yang perlu di selesaikan dengan menggunakan teori ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.4 Kesimpulan

Kesimpulan Adat Temenggung adalah suatu bentuk perundangan silap yang telah banyak membentuk pentadbiran negara sehingga ke hari ini. Adalah sangat tidak wajar sekiranya adat ini terus di tinggalkan oleh masyarakat di Malaysia dengan begitu sahaja. Hal ini kerana adat ini telah dibentuk bagi memanusiakan masyarakat setempat dan menjamin keharmonian negara pada zaman kesultanan Melayu lama. Maka sebagai masyarakat yang mempunyai ilmu pendidikan yang baik, Adat Temenggung seharusnya dibentuk dan dikekalkan mengikut arus permodenan negara. Dalam pada itu Novel *Seseorang Untuk aku* karya Rehan Makhtar sebagai teks kajian telah membentuk suatu budaya sosial yang bagus dalam penghasilan karyanya. Hal ini kerana karya ini memaparkan tentang realiti kehidupan masyarakat yang begitu dekat kaitannya dengan Adat temanggung serta di perkukuhkan lagi dengan Teori sosiologi dari bapa sosiologi Emile Durkheim yang merupakan seorang pelopor utama teori tersebut.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Dalam memperluas kajian mengenai Adat Temenggung dalam sistem sosial masyarakat melalui novel '*Seseorang Untuk Aku*' karya Rehan Makhtar yang menggambarkan realiti suka duka kehidupan masyarakat dalam perhubungan rumah tangga, masyarakat sekitar dan kekeluargaan yang menjadi tunjang utama novel tersebut dihasilkan. Dimana adat dilihat sebagai ikatan pengukuhan antara masyarakat dan keharmonian, menurut AJIS, A. B., & IJAZAH, U. M (2016) yang menjelaskan bahawa sistem sosial pernikahan adalah dua adat utama nusantara iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung serta kesantunan lisan dan bukan lisan semasa dalam khutbah nikah. Hal ini jelas menunjukkan sistem sosial masyarakat sangat berkait rapat dengan hubungan adat yang dijalankan sejak zaman kesultanan Melayu silam. Perkahwinan adalah institusi sosial yang melibatkan penyatuan rasmi antara dua orang, yang diiktiraf secara sah dan sosial, untuk membentuk keluarga atau rumah tangga. Walaupun bentuk dan tradisi perkahwinan mungkin berbeza antara budaya dan agama, perkahwinan memainkan peranan penting dalam budaya dan masyarakat di seluruh dunia. Maka dengan itu, keutuhan dan kemegahan adat dapat ditampilkan melalui perkahwiana yang membuka sistem sosial masyarakat. Sudah menjadi tanggungjawab semua pihak dalam memperkuuh kedudukan adat dalam masyarakat agar dapat membentuk budaya dan warisan setempat yang mempunyai nilai yang sangat tinggi.

Seterusnya bab ini menerangkan dua aspek utama kajian iaitu mengenai teori sosiologi serta kaedah kajian yang dipilih sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Dimana teori sosiologi adalah sebuah teori pendekatan yang sangat dekat kepada mayarakat kerana teori ini sendiri dicipta untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat. Menurut

Arif, A. M. (2020) telah berpendapat bahawa Emile Durkheim sangat percaya bahwa tugas sosiologi adalah mempelajari apa yang disebutnya "fakta sosial", iaitu kekuatan dan struktur eksternal yang mampu memengaruhi perilaku individu. Sosiologi diperlukan untuk memahami bagaimana manusia dan masyarakat bertindak dan berperilaku. Teori ini membantu tamadun manusia menyelesaikan konflik dan mengatasi masalah semasa mereka. Kumpulan konsep, prinsip dan pandangan untuk menjelaskan fenomena sosial dalam masyarakat. Ini membantu dalam kajian bagi memahami cara individu berinteraksi dalam masyarakat dan bagaimana struktur sosial dan corak tingkah laku muncul. Dengan kata lain, fakta sosial adalah cara berperilaku, berpikir, dan merasa di luar individu, dan memiliki kekuatan koersif atas mereka. Maka dengan itu teori ini dilihat sangat dekat dalam mengabungkan Adat Temenggung dan masyarakat dalam kajian ini.

Lain daripada itu, bab ini juga membincangkan mengenai kaedah kajian atau nama lainya adalah metodologi kajian dalam merangka kaedah yang sesuai bagi penyelidikan ini. Kaedah-kaedah ini dilihat sangat bertepatan dengan kajian yang dilakukan dimana segala sumber penyelidikan interaktif dapat digunakan bagi memudahkan kajian atau penyelidikan ini dijalankan. Menurut Ratna, N. K. (2019), metodologi adalah membincangkan mengenai peringkat Teori, metode, dan teknik yang relevan dengan ilmu sosial dan humaniora. Kaedah ini diteliti bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan bertepatan dengan objektif yang telah dibina. Hal ini sebagai panduan kepada penyelidik dalam mejalankan kajian dengan lebih mudah. Agar kajian yang dijalankan berada pada landasan kajian yang betul. Maka dengan metodologi kajian adalah aspek yang sangat penting dalam merangka kelangsungan kajian ini.

Kesimpulannya bab ini membincangkan dua aspek utama dalam penyelidikan iaitu teori pengukuhan dan metodologi kajian. Ia kerana kajian ini telah menggariskan tiga aspek utama yang sangat penting iaitu Adat Temenggung yang merupakan simbol kepada peraturan silam yang telah sebatи dengan masyarakat di Malaysia. Yang mana Adat

Temenggung telah bertapak di Tanah Melayu sejak berkurun lamanya. Kedua penekanan dilakukan kepada batasan terhadap kajian teori sosiologi daripada Emile Durkheim yang merupakan tokoh ulung dalam bidang sosiologi. Bagi mengukuhkan kajian ini sebuah teks kajian perlu iaitu Novel ‘*Seseorang Untuk Aku*’ karya Rehan Makhtar yang mana kajian ini adalah aspek ketiga kajian melalui teks. Ia menekankan kepada kepada keberkesanan Adat Temenggung dalam karya tersebut, berpaksikan Teori Sosiologi yang mana segala bentuk sosial dan kelasnya akan digariskan dalam teori ini. Bagi menghasilkan kajian yang bermutu mengikut garis panduan yang betul supaya tidak tersasar.



### 3.1 Definisi Teori Sosiologi

#### 3.1.1 Latar Belakang Teori Sosiologi

Dalam membangun sebuah kemakmuran masyarakat yang berkesan permasalahan-permasalahan masyarakat seharusnya diselesaikan dari peringkat masyarakat itu sendiri agar persengketaan dapat dielakkan daripada berlaku. Menurut Arif, A. M. (2020) menyatakan bahawa Emile Durkheim berpendapat bahawa sosiologi adalah mempelajari apa yang disebutnya "fakta sosial", iaitu kekuatan yang mampu memengaruhi perilaku individu. Dengan kata lain, fakta sosial adalah cara berperilaku, berpikir, dan perasaan individu, serta memiliki kekuatan koersif mereka sendiri. Durkheim turut percaya bahawa masyarakat dapat dipelajari secara ilmiah. Dia menolak untuk memahami fenomena sosial secara individual, lebih memilih secara sosial. Oleh karena itu, Durkheim juga berusaha menyempurnakan metode berpikir sosiologi yang tidak hanya didasarkan pada pemikiran logis filosofis tetapi juga pada sosiologi masyarakat. Ia karena dedikasi Durkheim untuk menjadikan sosiologi sebagai disiplin ilmu baru, Durkheim dianggap sebagai bapak sosiologi modern selain disebut sebagai "bapak metodologi sosiologi". Hal ini membuktikan bahawa Durkheim memandang fenomena masyarakat sebagai suatu yang sangat penting dengan mengkajiinya secara individu sebagai punca kepada permasalahan yang dikaji. Masyarakat adalah subjek utama kajian Durkheim dalam mengambangkan pemikirannya, agar permasalahan dan sosial masyarakat dapat diselesaikan dengan hujah yang tepat. Maka jelas disini bahawa sosiologi adalah suatu bentuk permasalahan yang di bawa oleh individu melalui pelbagai cara seperti pemikiran, tingkah laku dan emosi kepada kelompok minoritas agar dapat debendum dan dikawal bersama.

Seterusnya Umanailo, M. C. B. (2019), dalam karyanya yang bertajuk *Emile Durkheim*, menyatakan padangan mengenai pemikiran yang telah dibawa oleh Durkheim adalah dengan merujuk kepada kerangka organik yang dikemukakan oleh positivis Comte,

maka pemikiran Durkheim penuh dengan positivisme. Fakta sosial adalah salah satu bentuk pola perilaku yang dapat berlaku pada diri individu, standar atau tidak individu sebagai paksaan eksternal, atau, dengan kata lain, fakta sosial semua perilaku umum dalam masyarakat, sementara ada terlepas dari kekuatan individu. Durkheim melihat kapada usaha dalam realitas organik yang terpisah memiliki hukumnya sendiri. Hal ini kerana padanangan yang dibawa Durkheim lebih posesif kepada melihat kepada kekuatan dalam masyarakat dalam teori yang dibagunkan. Durkheim mengkaji masyarakat secara saksam agar mendapatkan nilai atau mutu kajian yang berkualiti. Maka dengan itu, Sosiologi dilihat sebagai peraturan masyarakat dan proses yang terkait dengannya masyarakat. Agar masyarakat sentiasa harmoni dan gembira dalam lingkungan kelompok yang aman.

### 3.1.2 Teras-Teras Dalam Teori Sosiologi



Rajah 1: Kajian utama Teori Sosiologi terhadap masyarakat

Kajian teori seharusnya berteraskan kepada pengukuhan masyarakat seperti yang ditunjukkan dalam rajah satu di atas yang mana kajian ini menumpukan kepada sktr masyarakat yang terdapat dalam novel *Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar. Setiap kelompok, bentuk serta perilaku masyarakat dilihat sebagai sumber kepada kajian. Ia dilihat sebagai Sosiolog kontemporer yang mana ia mempelajari struktur makroskopis yang membentuk dan melayani masyarakat, seperti etnik, kelas sosial dan peran gender, dan institusi seperti keluarga; proses sosial yang mewakili kemiringan atau kehancuran struktur ini, termasuk kejahatan dan perceraian; dan proses mikroskopis seperti interaksi manusia. Menurut Ardin, F. (2010), menyatakan bahawa Durkheim menggambarkan bahwa sebuah kekuatan untuk mempelajari dan memahami sesebuah masyarakat adalah sosiologi sebagai ilmu pengetahuan yang teratas. Hal ini menunjukkan bahwa sosial masyarakat dibentuk melalui pengamatan yang berpanjangan oleh pengkaji melihat sifat dan emosi setiap individu dalam mengatasi permasalahan. Kajian ini menumpukan kepada faktor sosial sebagai pembahagian kelas masyarakat ia merangkumi kepada aspek kepercayaan beragama, konsep kecantikan, cara berpakaian dan bahasa dalam menggariskan pandangan Durkheim. Maka dengan itu, ia adalah sebagai jalan kepada pembentukan kemasyarakatan bersama dengan kajian secara ilmiah dan berilmu.

### **3.2 Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif deduktif dimana menurut Veronica, A., Abas, M., Hidayah, N., Sabtohadi, J., Marlina, H., Mulyani, W., & Aulia, S. S. (2022), metode adalah suatu penelitian yang diperlukan untuk menjawab rumusan pertanyaan dan menguji hipotesis. Dimana ia adalah pendekatan penyelidikan sosiologi yang bertujuan untuk memahami dan menjelaskan fenomena sosial melalui analisis deskriptif yang mendalam dan terperinci. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada pemahaman konteks, makna, dan pengalaman subjektif individu dan kumpulan sosial yang dikaji. Kaedah kualitatif digunakan dalam pelbagai bidang dalam sosiologi, antropologi, psikologi, pedagogi, dan disiplin sains sosial yang lain. Ini bagi membantu mengkaji isu kompleks, kontekstual dan subjektif yang tidak semestinya boleh diukur menggunakan nombor atau statistik. Metodologi ini memainkan peranan penting dalam memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan kompleks tentang kehidupan sosial manusia. Hal ini bagi diperjelas metode penelitian yang digunakan, apakah metode kajian atau metode eksperimen yang telah dijalankan dalam kajian. Kajian ini menggunakan kaedah-kaedah berikut:

#### **3.2.1 Kajian Perpustakaan**

Kajian ini dicadangkan menggunakan kajian perpustakaan yang mana segala lubuk ilmu pengetahuan ada terkandung di dalamnya. Perpustakaan adalah Gedung ilmu yang terbaik dalam menjalankan kajian ini. Ia merangkumi sumber maklumat daripada buku-buku terpilih, jurnal daripada sarjanah yang berkaitan dengan tajuk yang di kaji. Ia melibatkan buku-buku yang digunakan secara fizikal yang terdapat di perpustakan. Data yang dikumpulkan melalui pelbagai kaedah seperti soal selidik, wawancara, pengamatan, atau pembacaan yang tersimpan rapi di sana. Bahan bacan seperti buku-buku berkaitan kajian, Jurnal kajian lepas serta Artikel adalah suber utama bahan kepada kajian. Bagi melengkapkan kajian

ini, ia adalah suatu sumber utama dalam mendapatkan isi dan informasi yang tepat serta berguna dalam menyempurnakan kajian ini.

### **3.2.2 Jurnal.**

Jurnal ialah penerbitan yang mengandungi artikel ilmiah yang ditulis oleh penyelidik atau sarjana dalam bidang tertentu. Artikel ini biasanya menerangkan penyelidikan, analisis atau ulasan tentang topik yang berkaitan dengan bidang yang di khususkan. Jurnal saintifik merupakan salah satu sumber maklumat terpenting dalam akademik dan merupakan platform penting untuk menyebarkan pengetahuan dan penemuan baharu dalam bidang tertentu. Jurnal biasanya di ambil di platform google scholar yang telah menghimpunkan kajian-kajian hebat berkaitan tajuk. Jurnal saintifik ialah satu bentuk komunikasi ilmiah yang penting, membolehkan penyelidik berkongsi penemuan dan idea mereka dengan komuniti secara menyeluruh dan lebih luas.

### **3.2.3 Analisis Teori**

Bahagian ini menjelaskan bahawa analisa teori adalah kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini yang mana kajian ini menggunakan teori sosiologi daripada Emile Durkheim seorang tokoh sosiologi terkenal dalam bidangnya. Analisis teori ialah proses menyiasat dan mengaplikasikan teori dalam bidang atau bidang sains tertentu. Ini termasuk pemahaman yang mendalam tentang konsep, prinsip, dan pandangan yang dinyatakan oleh teori dan aplikasinya untuk menerangkan fenomena dan masalah yang berkaitan. Analisis teori merupakan aspek penting dalam penyelidikan saintifik ini agar kajian yang dijalankan tidak tersasar daripada landasannya. Ia kerana teori menyediakan rangka kerja penting untuk memahami dunia dan menjelaskan fenomena sosial, budaya, ekonomi dan

politik yang kompleks. Hal ini sebagai pengukuhan kepada hujah dan kajian yang dijalankan. Analisis teori yang teliti membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan lebih berharga tentang topik penyelidikan mereka.

### 3.2.4 Analisis Teks

Teks yang digunakan adalah Novel ‘Seseorang Untuk Aku’ karya Rehan Makhtar. Karya ini akan dikaji sepanjang penyelidikan ini dijalankan dengan keseluruhan teks digunakan. Teks ini dipilih kerana terkandung pelbagai sosiologi masyarakat yang menarik untuk dijadikan kajian. Analisis teks ialah proses memahami dan mentafsir makna teks secara menyeluruh, sama ada dalam bentuk teks, ucapan, lagu, filem, atau karya seni yang lain. Tujuan analisis teks adalah untuk mendedahkan mesej, tema, gaya, plot atau makna yang terkandung dalam teks. Ia adalah seperti perkahwinan, hubungan persahabatan, adik beradik dan banyak lagi dirangkumkan dalam novel tersebut. Analisi ini dijalankan bagi mengenalpasti eleman utama kajian terkandung dalam teks yang di kaji atau tidak. Teks yang dikaji adalah medium yang sangat penting sebagai bentuk hujahan atau contoh kepada kajian yang dijalankan.



Rajah 2: Novel Seseorang Untuk Aku Karya Rehan Makhtar

### **3.2.5 Kaedah Kajian Internet**

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan tambahan idea-idea yang tidak terdapat di jurnal dan perpustakaan. Menandakan strategi penyelidikan yang menggunakan Internet sebagai instrumen dan sumber untuk mengumpul, menganalisis data yang tidak ditarik dan menjadikan penemuannya boleh diakses. Mengguna pakai pendekatan untuk menyiasat maklumat dengan menggunakan Internet sebagai sumber dan alatnya. Dengan kemajuan dalam teknologi digital dan percambahan Internet sebagai sumber utama maklumat, pendekatan ini telah menjadi semakin penting. Laman sesawang yang digunakan adalah seperti Google Scholar, Buku-buku online serta Blog-blog berkaitan sebagai sumber tambahan bahan baca bagi kajian. Kaedah ini adalah kaedah yang paling mudah dan pantas bagi mendapatkan maklumat atau info tambahan berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Adat adalah suatu pengukuhan kepada perkembangan masyarakat dimana adat adalah peraturan silam masyarakat yang telah sebatik dalam diri masyarakat sehingga ke hari ini. Sulong, J. (2012) membincangkan mengenai pengaruh amalan dahulu kala kepada masyarakat hari ini. Hal ini menjelaskan bahawa adat atau amalan dahulu kala mempengaruhi kehidupan masyarakat hari ini. Ia kerana itu adalah satu kebiasaan atau tabiat yang sukar di hakis dalam jiwa orang Melayu. Maka dengan itu, adat tidak sewajarnya dilupakan mahupun dihapuskan begitu sahaja. Oleh yang demikian kajian ini memfokuskan untuk menganalisis keberkesanan Adat Temenggung dalam *novel Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar sebagai objektif pertama kajian. Hal ini kerana fokus utama kajian adalah memberi fokus kepada keberkesanan Adat Temenggung dalam novel tersebut sebagai gambaran masyarakat pada hari ini. Adat dilihat dengan lebih terperinci daripada aspek sosial masyarakat dalam watak yang terdapat dalam karya terbabit. Adat adalah asas identiti sosial dan budaya maka dengan mengekalkan adat resam, masyarakat boleh melindungi dan menyokong identiti unik dan kaya ini. Ini membantu masyarakat memahami akar budaya mereka dan meningkatkan kebanggaan mereka terhadap warisan budaya mereka. Maka dengan itu konsep adat dapat di perlihatkan dengan jelas bahawa secara tidak sedar adat ini masih lagi diamalkan masyarakat pada era permodenan hari ini.

Seterusnya, pada objektif kedua bab empat ini, analisis tertumpu kepada menganalisis Teori Sosiologi yang menjadi pengukuhan kepada Adat Temenggung yang terdapat dalam *Novel Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar. Kajian ini tertumpu kepada pandangan Emile Durkheim sebagai tokoh sosiologi terkenal di barat. Sosiologi

menurut kajian Arif, A. M. (2020) yang mengambil pandangan Durkheim, beliau menyatakan bahawa beliau sangat percaya bahawa tugas sosiologi adalah mempelajari apa yang disebutnya "fakta sosial", iaitu kekuatan dan struktur eksternal yang mampu memengaruhi perilaku individu. Dengan kata lain, fakta sosial adalah cara berperilaku, berfikir, dan merasa di luar individu, dan memiliki kekuatan kohensif atas mereka. Fakta sosial yang dimaksud disini tidak hanya bersifat material, tetapi juga non-material, seperti budaya, agama, atau sistem sosial. Hal ini menjelaskan bahawa Emile Durkheim melihat sosiologi dalam pelbagai aspek ia bukan sajaha dari segi dalaman malah luaran manusia sebagai anggota masyarakat.

Dalam pada itu, James Fieser dan Bradley Dowden (1995) menjelaskan pandangan Emile Durkheim bahawa menurutnya masyarakat adalah mereka daripada jenisnya sendiri atau dalam kata lainnya adalah suatu sebuah kelompok masyarakat yang sama. Ia terhasil apabila hati nurani individu berinteraksi dan bersatu untuk mencipta realiti sintetik baharu yang lebih besar daripada jumlah bahagiannya. Realiti ini hanya boleh difahami dari perspektif sosiologi dan tidak boleh dikurangkan kepada penjelasan biologi atau psikologi. Hakikat bahawa kehidupan sosial bersifat seperti ini akan menjadi asas kepada satu lagi tuntutan Durkheim, iaitu masyarakat manusia boleh dikaji secara saintifik. Untuk tujuan ini, beliau membangunkan metodologi baharu yang memfokuskan kepada apa yang Durkheim panggil "fakta sosial," elemen kehidupan kolektif yang wujud secara bebas dan mampu mempengaruhi individu. Dengan menggunakan pendekatan ini, beliau menerbitkan karya yang berpengaruh dalam pelbagai topik

#### 4.1 Mengkaji Keberkesanan Adat Temenggung Dalam Novel *Seseorang Untuk Aku*

Karya Rehan Makhtar



Rajah 3: Pecahan Adat Temenggung yang terdapat dalam novel *Seseorang Untuk Aku*

#### 4.1.1 Kehidupan (Masyarakat)

Adat Temenggung adalah suatu peraturan dalam masyarakat yang sering diamalkan oleh masyarakat sama ada mereka sedar mahupun tidak sedar. Adat pada kajian Ail, N. A. M. (2011) dilihat sangat mengangkat keseimbangan dalam masyarakat melalui ikatan kemasyarakatan seperti perkawinan yang mengeratkan hubungan sesama individu. Maka dengan itu, Donny Prasetyo (2019), telah mendefinisikan bahwa masyarakat adalah kumpulan manusia yang hidup bersama, dimana ia disebut sebagai “society” yang membawa kepada maksud interaksi sosial, perubahan sosial dan rasa persatuan, berasal dari bahasa latin *socius* yang berarti teman. Kehidupan dalam bermasyarakat adalah perjalanan yang penuh dengan pengalaman, cabaran, dan makna yang berbeza untuk semua orang. Ia merangkumi aspek fizikal, emosi, psikologi, sosial dan rohani. Namun begitu Donny Prasetyo juga mengariskan pandangan masyarakat daripada Karl Marx, yang mana masyarakat pada pandangan beliau adalah sebagai suatu struktur yang mengalami ketegangan organisasi dan perkembangan akibat konflik antara kelompok yang terpecah secara ekonomi. Masyarakat disini dilihat sebagai sekumpulan individu yang mencapai keseimbangan dalam kehidupan, termasuk keseimbangan kerja-kehidupan dan mengimbangi keperluan fizikal, emosi, mental dan rohani dengan tegas dan berperinsip.

Justeru itu, masyarakat adalah individu yang membentuk kasih sayang bersama antara satu sama lain. Seperti yang telah ditonjolkan oleh Lai bersama dengan Nek Leh yang menjalankan ikatan kemasyarakatan yang kuat dalam menjaga keharmonian bersama. Hubungan antara mereka memainkan peranan penting dalam kehidupan. Ini termasuk hubungan dengan keluarga, rakan sekerja, rakan sebaya dan masyarakat secara amnya. Interaksi sosial yang ditonjolkan

sangat membantu membentuk identiti dan memberikan sokongan emosi sesama mereka. Mereka saling mengambil berat sesama mereka walaupun mereka tiada ikatan kekeluargaan yang utuh. Lai sangat menghormati Nek leha sera sering menjadikan Nek leha sebagai tempat bermanja dan menumpang kasih dikala ia merupakan seorang yatim piatu. Kedekatan ini membentuk hubungan masyarakat yang berpaksikan Adat Temnggung dalam kelompuk sosial mereka.

"Gitu ajelah, nek. Saya ni sambil-sambil nak ke rumah haji Saadlah ni. Singgaj kejap. Rasanya tak ada ape dah. Saya Bantu Liza aje pun. Selebihnya kelurga Haji Saad yang uruskan. Liza tu bertuah, nek. Kira basuh kaki ajelah masuk rumah mentua dia. Tinggal ajelah saya sorang..." Lai buat muka kecewa. Tetapi masih tersisa senyuman manis pada hujung bibir tipis yang kering itu.

"Alah... Apa nak pelik. Aku ni kan ada, nak temankan. Tapi, kalau kamu rasa nak menikah juga, menikah ajelah," usik Nek Leha pula.

"Ke... Nak aku carikan?"

Terus Lai hamburkan tawa. Dia peluk Nek Leha. Sampai tercekiklah orang tau tu!

(Rehan Makhtar, 2015:27)

Siapapun akan terkejut. Mujurlah Nek Leha tidak tersungkur kena sakit jantung. Dia tidak ada pilihan melainkan berterus terang tentang segalanya. Dari A sampai ke Z. Tidak tertinggal sedikit pun. Tiada yang ditokok tambah, tiada yang dikurangkan. Cuma nada dan ayat sahaja berbeza.

"Kenapa baru sekarang nak cerita?" Nek Leha mengurut dada. Tenang. Padanya benda sudah jadi, hendak dibebelkan pun sudah tiada guna. Nak-nak apabila Lai cakap dia dipinang biarpun secara koboi.

"Tak nak susahkan Nek Leha."

"Ini tak rasa susah, kan?" Cukup tajam Nek Leh menyoal. Geram sebenarnya. Kalau diberitahu awal, tidak perlu pakai duit lelaki itu. Dia pun ada simpanan. Dia mana ada pewaris. Dia sebatang kara, seperti Lai juga.

(Rehan Makhtar, 2015: 145)

Berdasarkan dua petikan daripada novel *Seseorang Untuk Aku* diatas, membuktikan bahawa masyarakat adalah suatu konteks jalinan yang sangat penting dalam mengutuhkan Adat Temanggung dimana keutuhan ikatan ini menguatkan lagi pembentukan Adat Temenggung di dalam novel tersebut. Hal ini jelas membuktikan Lai dan Nek Leha menjalin ikatan kemasyarakatan yang harmoni bersama. Dimana masyarakat adalah realiti perlu bergantung pada anggota individu di sekitarnya. Masyarakat adalah sekelompok orang yang hidup bersama dan berinteraksi satu sama lain dalam jangka waktu yang lama. Maka ia telah membentuk sebuah kesatuan atau sistem yang ada bersama-sama. Menurut Syukri Idris (2023) Adat Temnggung dilihat mempunyai sistem kekeluargan yang sangat seimbang dimana kedudukan mereka yang lebih tua dilihat sangat penting. Dimana Masyarakat adalah sektor keluarga terbesar sebuah kelompok ialah adalah entiti sosial yang kompleks yang melibatkan interaksi antara individu yang berkongsi norma, nilai dan budaya yang sama. Masyarakat memainkan peranan penting dalam membentuk identiti, menyediakan sokongan sosial, dan memenuhi keperluan material dan emosi individu. Maka dengan itu pengukuhan kepada masyarakat yang berwibawa dapat direalisasikan apabila hormat menghormati serta berkasih sayang menjadi pedoman hidup.

#### 4.1.2 Kehidupan (Kekeluargan)

Dalam konteks kehidupan masyarakat hubungan kekeluargaan adalah perkara yang sangat penting kerana keluarga adalah sokongan utama dalam kehidupan manusia. Adat adalah perlambangan kepada sebuah masyarakat yang melibatkan seluruh kehidupan manusia, Tunas Effendy (2005) ada menekankan prinsip ‘*bersendi syarak dan bersendi kitabullh*’ yang membawa kepada

kepentingan dalam beragama sehingga segala perbuatan dan tingkah laku seharusnya berpandukan Al-Quran, As sunnah dan Hadits Rasulullah. Perkara ini jelas membuktikan bahawa Konsep kekeluargaan adalah untuk menggalakkan persefahaman dan saling memaafkan agar keluraga harmoni dapat di bentuk. Seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan) yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir." (Surah al-Rum, ayat 21). Ayat ini cukup menjelaskan bahawa institusi kekeluargaan adalah suatu permuafakatan yang penting dalam membentuk Islam yang terbaik. Maka disini jelas memperlihatkan Adat Temanggung sebagai pengaruh institusi masyarakat dan keluarga berlandaskan syariat islam adalah suatu konsep yang baik dalam membentuk keharmonian bersama sesama masyarakat.

Oleh yang demikian, menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2017), Keluarga membawa kepada pengertian Kerabat, saudara, saudaranya masa kini. Dimana keluarga yang terdiri dari suami istri atau anak,mempunyai pertalian darah dan membentuk keluarga yang lengkap. Keluarga adalah unit asas masyarakat, terdiri daripada individu yang mempunyai pertalian yang rapat dari segi emosi, biologi, atau undang-undang. Ia adalah unit pertama di mana individu mempelajari nilai, norma dan tingkah laku sosial yang penting untuk pembangunan diri dan integrasi ke dalam masyarakat. Menurut Sari, T., Yasin, A. F., dan Walid, M. (2022), Ibu bapa adalah pendidik pertama anak-anak mereka dan penentu kebijaksanaan, keupayaan, dan kecerdasan anak-anak mereka. Hal ini jelas

membuktikan institusi keluarga adalah penggerak kepada pembentukan pribadi yang utama oleh seseorang individu. Keluarga juga perlu menyediakan sokongan emosi dan sosial yang penting dalam kehidupan seseorang individu. Ini termasuk kasih sayang, perhatian dan sokongan daripada ahli keluarga untuk membantu individu mengatasi cabaran dan kesukaran hidup. Sebuah keluarga yang harmoni dapat dibina melalui didikan bersama agar dapat melahirkan masyarakat yang berkualiti serta dapat membina keterjaminan adat sebagai perlambangan budaya masyarakat.

Sepertimana watak Lai dalam *novel seseorang Untuk Aku* yang telah menerima didikan baik daripada arwah bapanya supaya sentiasa bertanggungjawab terhadap adiknya yang masih kecil dan masih belajar untuk sentiasa memastikan adiknya Liza kekal bahagia. Amat ini digenggam erat oleh Lai agar dia tidak lupa bahawa hanya mereka berdualah yang ada di dunia ini selepas kematian ayah dan ibunya. Sifat kekeluargaan ini membuktikan Lai sangat bertanggung jawab kepada adiknya Liza walaupun Lai hanyalah seorang penoreh getah yang miskin die tetap bertekat menyekolahkan adiknya hingga ke menara gading.

Liza merenung kakaknya yang sedang membersihkan rumah. Ditolak kerusi rotan usang yang masih utuh itu ke tepi dinding. Dihampar tikar buluh yang baru dibeli siang tadi. Ditukar sarung kusyen. Langsir juga digantung yang baharu.

"Kakak tukar semua ni, habislah duit kakak nanti." Liza mendekati Lai dan membantu kakaknya menyusun kusyen di atas kerusi.

Lai senyum tanpa memandang adiknya. Tangannya masih ligat menyusun apa yang berselerak.

"Tak apalah, Liza. Habis untuk Liza, kakak rasa puas hati. Lagipun, memang kakak kerja selama ni untuk Liza pun."

(Rehan Makhtar, 2015: 35)

NOMBOR Liza didail. Rindu sangat dah. Beberapa kali deringan, barulah bersambut dan itu pun dengan suara letih. Lai ukir senyum. bersambut

"Kakak ni..."

Mata Liza terbuka. Dia baru balik dari pasar raya. Zarul ke tempat kerja. Dia kembali tatap skrin telefon bimbitnya. Aik, sejak bila kakak beli handphone?

"Errr... Mana kakak dapat handphone?"

"Errr... Kawan bagi sebenarnya," jawab Lai jujur. Dia tidak pernah diajar menipu.

"Kawan mana?" Setahu Liza, Lai tidak berkawan Ada pun, Nek Leha sahajalah.

"Kakak dah ada teman lelaki ke?" Liza saja menyayal.

(Rehan Makhtar, 2015: 158)

Berdasarkan dua petikan daripada novel *Seseorang Untuk Aku* berikut telah terang disini sifat kekeluargaan menjadi kekuatan bagi Lai walaupun dia merasakan dia seorang sangat hina hendak dibandingkan adiknya yang hebat. Maka dengan itu Adat Temenggung sebagai nas kepada pembentukan masyarakat telah membuktikan bahawa kekeluargaan adalah medium yang sangat dekat kepada masyarakat. Menurut Sulong, J. (2012) dalam membentuk kekeluargaan Adat menggariskan harta adalah elemen penting yang diwarisi ibu bapa hendaklah kepada anak-anak mereka dan begitu juga sebaliknya. Ia kerana anak-anak memerlukan segala bentuk bekala apabila meneruskan kehidupan kelak. Harta disini bukan semata-mata berupa wang namun nasihat, agama dan kasih sayang juga adalah nilai berharga kepada mereka.

#### 4.1.3 Kehidupan (Persahabatan)

Persahabatan adalah salah satu penggerak kepada motivasi kehidupan dimana rakan adalah orang kedua yang lebih berpengaruh dalam hidup seseorang individu. Ia karana sahabat banyak meluangkan masa, tenaga dan perjuangan bersama. Adat Temenggung telah membuka lembaran baru buat masyarakat

untuk lebih bersosialisasi secara seimbang berlandaskan ajaran agama Islam yang telah diperjuangkan berkurun lamanya. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017), ada menyatakan pengertian sahabat adalah Kawan, Sahabat, biar kawan daripada Ramai Musuh, Lebih Baik Ramai -handai -kenalan kawan rapat, kawan rapat (baik), sahabat kenalan mesra dan baik. persahabatan, berkawan dengan seseorang. Hal ini membuktikan dalam menjalankan kehidupan yang harmoni berlandaskan Adat sebagai panduan hidup, kehidupan bersahabat adalah sangat penting dalam kehidupan sosial.

Berdasarkan *novel Seseorang Untuk Aku* karya Rehan Makhtar ada menjelaskan watak Qadr diperlihatkan watak sebagai seorang sahabat yang baik serta mengambil berat akan Zarul serta Ziyad. Mereka adalah sahabat baik sejak dibangku Universiti lagi dan masih meneruskan persahabatan walaupun masing-masing telah mempunyai keluarga dan kerjaya sendiri. Hal ini membuktikan ikatan persahabatan mereka sangat kuat dan utuh apabila mereka saling mengambil berat serta memikirkan keadaan masing-masing walaupun mereka sibuk dengan komitmen sendiri.

LETIHNYA. Macam aku pula kahwin. Qadr mengurut pangkal leher. Lenguh. Selepas Ziyad balik dia pula macam tuan rumah. Melayan tetamu. Tetapi, puas hati. Kawan baik punya pasal. Dua sudah selamat. Ziyad dan Zarul. Dua-dua sudah jumpa matlamat hidup. Tinggal aku sekor.

Qadr bangkit menarik tuala di atas katil dan berlalu ke jendela yang terkuak lebar. Cantik juga rumah ni. Tak apalah ceruk sikit pun. Janji selesa dan udara pun segar. Dekat dengan sungai pula tu! Qadr benar-benar puas hati dengan homestay itu. Menepati cita rasanya.

Zarul baru balik lepas hantar dia ke sini. Lengkap segala-galanya, tetapi peti ais kosong. Perut pula sudah lapar. Apa nak makan? Terpaksalah dia keluar sekejap lagi. Hendak dikacau Zarul, macam tidak kena pula. Orang baru muhu memadu kasih. Tetapi...

Fikiran Qadr terbang ke masa lalu. Seingat dia, Zarul pernah kata kekasih hati menolak, tetapi kini sudah terimakah? Cepatnya! Yalah... Kalau sudah jodoh. Malas mahu semakkan fikiran. Dia perlukan rehat yang cukup. fizikal dan emosi sebelum kembali bertugas. Dan dia perlu sentiasa bersedia.

(Rehan Mokhtar, 2015: 57)

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan bahawa nilai persahabatan adalah satu kunci kepada sistem sosial yang utuh kepada masyarakat. Persahabatan melibatkan kesetiaan, persefahaman bersama, dan kepercayaan antara individu. Kawan dipercayai untuk berada di sisi satu sama lain melalui masa senang dan susah, untuk menyokong dan memahami keputusan dan pilihan hidup masing-masing. Dimana melalui persahabatan manusia dapat menjalinkan hubungan antara manusia yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa ikatan sosial masyarakat melalui persahabatan dapat dibentuk dalam pelbagai hal. Adat Temenggung adalah pengukuh kepada sistem sosial melalui ikatan permuafakatan masyarakat yang menyeluruh tanpa perseketan.

#### **4.1.4 Kemanusian (Sifat Syukur)**

Syukur adalah perlambangan kepada ajaran Islam yang utuh, agar umat Islam lebih bersederhana dan berterima kasih kepada pencipta nya atas segala pemberiannya. Sebagai insan yang dilahirkan Islam dan bertaqwa sudah seharusnya manusia itu meraskan syukur atas kurnianya. Menurut Mahfud, C. (2014) Dalam konteks ini, tentang rasa syukur dirasakan sangat penting untuk mengkaji ulang umat manusia dan melakukan upaya serius untuk bergerak menuju jalan yang benar dari Allah. Tuhan adalah tujuan hidup setiap ciptaan-Nya. Dengan kata lain, rasa syukur adalah sebagai membentuk manusia akan melakukan hal ini baik sesuai dengan perintah-Nya atau tidak. Di sini, rasa syukur sepertinya selalu

dicapai melalui pikiran manusia serta kesadaran spiritual juga emosional yang mempengaruhi praktik bahasa keagamaan setiap orang. Hal ini juga bersangkutan dengan Adat Temenggung sebagai pegangan masyarakat sehingga hari ini kerana adat ini sejajar dengan prinsip hukum dalam Islam yang meminta hambanya untuk sentiasa bersyukur dalam segala hal bagi membina insan yang sentiasa bersederhana.

Seterusnya dalam karya Rehan Makhtar (2015), ada melambangkan elemen Islam sebagai landasan kehidupan seseorang yang mana ia telah menggariskan kepentingan Adat Temenggung sebagai konteks kehidupan masyarakat. Seperti watak Lai yang sedang mengalami musibah apabila difitnah oleh penduduk kampung dengan berbuat maksiat. Dia tetap berpikiran positif dan serta bersyukur dengan dugaan yang telah terjadi.

Tanpa sedar, birai mata basah. Ujian datang bertimpa-timpa. Tidak tahu lah sampai bila dia mampu menggalasnya. Zarul? Berjanji hendak menolong tetapi ke mana perginya lelaki itu? Tetapi hendak salahkan Zarul pun tidak boleh. Janji manusia janji yang fana. Lagipun, dia kan sudah berjanji dengan Liza hendak jauhkan diri dari Zarul. Jika Zarul tidak menoleh belakang lagi kepada dia, dia patut bersyukur.

(Rehan Makhtar, 2015: 116)

Berdasarkan petikan diatas, telah membuktikan syukur adalah satu sifat yang sangat mulia setiap insan haruslah memiliki rasa syukur agar mereka lebih terlahir dengan adat dan adab yang tinggi. Syukur adalah sikap yang melibatkan rasa terima kasih, pengiktirafan, dan penghargaan untuk semua perkara yang baik dalam kehidupan, serta mengiktiraf sumbangan dan bantuan orang lain. Kesyukuran adalah aspek penting dalam kehidupan yang membawa kepuasan, kebahagiaan, dan kesejahteraan kepada individu. Ia membina hubungan yang berkualiti, mengukuhkan sikap positif, dan membawa kepada penerimaan dan

kepuasan dengan kehidupan. Adat Temenggung suatu adat yang berlandaskan teguh ajaran islam telah menggariskan sifat syukur ini supaya masyarakat lebih menerima segala ketentuan takdir.

#### **4.1.5 Kemanusiaan (Insaf)**

Sosialisasi adalah suatu bentuk kemasyarakatan yang telah lama dibina oleh manusia dari zaman ke zaman dalam segala hal yang telah terbina. Setiap manusia yang dilahirkan dengan iman dan taqwa akan sentiasa menginsafi diri sendiri supaya dapat menjadi muslim sejati. Menurut 'Imaduddin dan Noor Shakirah (2016), menyatakan bahawa Al-Qur'an sebagai sumber referensi mutlak bagi umat manusia, melalui ayat-ayatnya diuraikan langkah-langkah untuk membimbing manusia dalam menjaga alam dari kerusakan dan kehancuran. Allah SWT telah memberikan manusia tanggung jawab alami untuk berkembang. Maka dengan itu lah menjadi tugas hakiki bagi manusia untuk sentiasa bersyukur dan menginsafi diri bahwasanya Allah S.W.T adalah pencipta yang agung. Menurut Adelia, Y., Pahlavi, S. R., Sapriadi, S., dan Syamsiah, S. (2022), dalam kajian mereka ada menyimpulkan pandangan daripada Lembaga Adat Propinsi Jambi pada tahun 2003 mengenai kehidupan berkeluarga dalam masyarakat Jambi mengikuti norma dan nilai adat yang berpedoman pada "adat istiadat bersendi syarak, dan syarak bersendi Kitab Allah". Peraturan-peraturan adat itu sendiri adalah adat sosial yang sesuai dengan ketentuan Islam yang berbunyi "syarak mangato", pakaian tradisional yang membawa kepada pemahaman bahawa apabila kita bercakap tentang adat yang berlaku pada masyarakat tradisional Jambi, bermakna mereka berkait rapat. kepada kehidupan masyarakat Islam. Ajaran Islam sentiasa menjadi landasan yang utuh dalam menjalin kasihkan

hubungan kemasyarakatan dengan adat. Di mana disini jelas membuktikan bahawa Adat Tememggung menggabungkan ajaran Islam yang menjadikan orang ramai lebih mudah memahaminya peraturan yang digariskan bagi keharmonian bersama.

"Katalah sebelah kita selesai, yang pihak perempuan tu tak kata apa ke settle macam tu aje? Maruah anak dia orang macam mana?"

Termenung Qadr beberapa ketika. Fikirannya jauh kembali ke Kuala Lipis sana. Wajah Lai. Topi lusuhnya. Basikal yang sering rosak dan tragedi itu, wajah Lai yang menangis. Wajah buntu. Wajah polos dengan pengakuan yang menggerunkan.

"Aku tak ada sesiapa dalam dunia ni melainkan kau aje sekarang ni."

Ayat Lai berulang lagi di dalam kepala. Berat telinga mendengar dan kerana itu dia ramas jari-jemari Lai saat itu. Entah apa yang merasuk hingga dia sentuh kulit perempuan itu, dia sendiri pun tidak tahu.

(Rehan Makhtar, 2015:107)

Merujuk kepada teks terbabit diatas, jelas menunjukkan keinsafan yang terdapat dalam watak Qard apabila beliau telah menyentuh Lai. Hal ini kerana ajaran islam yang telah diterapkan dalam diri Qurd sejak lahir telah membentuk kepribadian yang utuh dengan agamanya. Penyesalan atau keinsafan merujuk kepada proses atau keadaan di mana seseorang menyedari dosa atau kesilapannya dan merasakan penyesalan dan penyesalan yang mendalam akibatnya. Ini termasuk mengenal pasti kesilapan dan salah laku secara jujur dan berusaha untuk membuat perubahan dan penambahbaikan berdasarkan pemahaman itu. Maka dengan itu, adat ini telah diwarisi oleh kedua ibubapanya bagi membentuk kepribadian islam sejati telah di praktikkan agar keimana dan ketakwaannya kekal terjamin.

#### 4.1.6 Kemanusian (Solat)

Islam adalah sebuah agama yang sangat indah. Umat Islam yang mempunyai nilai akidah yang utuh seharusnya mendirikan solat sebagai tiang kepada perpaduan dan keutuhan Islam. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017), menjelaskan bahawa solat atau sembahyang secara bahasa, adalah doa. Sedangkan dari segi terminologinya ada perkataan dan perbuatan tertentu serta syarat-syarat tertentu yang diawali dengan takbir dan diakhiri dengan salam yang dijalankan oleh umat Islam lima kali sehari mengikut rukun-rukun tertentu. Daripada Sayyid Sabiq (1990) ada menjelaskan bahawa Solat merupakan rukun Islam yang kedua setelah pembacaan dua Syahadat, dan merupakan salah satu bentuk ibadah tertinggi bagi umat Islam dalam mengamalkannya daripada semua ibadah yang ada dalam rukun sebagai seorang Islam. Pandangan daripada Mohamed, A. dan Sulong, J. (2016) menjelaskan bahawa bilamana Islam telah tersebar luas dan diterima oleh orang Melayu, Adat lama yang diamalkan oleh mereka telah diubah dan disesuaikan mengikut ajaran Islam. Namun begitu, masyarakat Malaya merupakan masyarakat yang sangat kuat mengamalkan adat resam dalam kehidupan termasuk yang berkaitan dengan sesuatu perkara termasuk berkaitan dengan sistem pembahagian harta. Maka dengan itu kedatangan Islam bukanlah merubah struktur masyarakat malah sebagai penambah perisa dalam melengkapkan lagi kehidupan mereka.

Tetapi dengan budi tumbuhan alam itulah menjaga Liza dan diri sendiri. Mengingatkan Liza, air matanya merembes bersama jirusan air yang tida putus-putus.

Kata-kata Nek Leha masih terngiang-ngiang telinga. Tidak guna menyalahkan sesiapa. Benda sudah nak jadi. Dia tidak mampu hendak sedarkan Zarul dan biarlah mengelak buat sementara jika tidak mampu untuk hadapinya. Lai terlena usai menunaikan solat zuhur tetapi tidak lama apabila dia dengar suara sayup-sayup menyera namanya.

(Rehan Makhtar, 2015: 74)

Berdasarkan petikan tersebut jelas memperlihatkan bahawa solat adalah kunci keimanan seseorang. Ia kerana Islam telah mendidik umatnya untuk melakukan ibadah solat memohon keampunan serta petunjuknya. Hal ini jelas ditunjukan oleh Lai yang memanjatkan permohonan dan keampunan kepada yang maha esa dikala dia menghadapai keraguan dihatinya agar Allah SWT memberikan sinar petunjuk. Maka dengan itu kepatuhan Lai kepada agamanya jelas menunjukkan kesimbangan yang terdapat dalam Adat Temenggung dalam Islam yang telah diwarisi daripada keluarganya agar sentiasa beribadah kepada yang maha esa.

#### **4.1.7 Hidup Masyarakat (Kasih Sayang)**

Menurut kamus dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017), kasih sayang adalah suatu perasan cinta dan kasih serta belas kasihan yang wujud dalam diri manusia. Suatu sumber perasan yang suci wujud dalam diri setiap insan sesama insan itu sendiri. Hal ini membuktikan bahwa kasih dan sayang adalah suatu sifat semulajadi manusia yang dalam menghargai atau membuktikan kepada yang selaknya. Pada pandangan Jailani, M. S. (2013), berdasarkan Muhardi (1986) perkataan "kasih sayang" merujuk kepada perkataan "*philia*" yang membawa erti cinta sesama manusia, kerana itu di sebelahnya terdapat perkataan "*agape*" yang bermaksud cinta kepada Tuhan, dan juga perkataan "*eros*" dan "*amour*" iaitu cinta biologi antara lelaki dan perempuan . Oleh itu, kasih sayang merujuk kepada perasaan cinta sesama manusia, termasuk cinta kepada diri sendiri serta orang lain. Adat telah membuka lembaran kasih sayang kepada masyarakat yang lebih menyeluruh dimana masyarakat bersatupadu menjaga keharmonian bersama.

"Hai, mengeluh berat nampak?"

Teguran Nek Leha menyentak lamunan. Lai lepaskan pelukan dan kembali memicit kaki Nek Leha.

"Ingat benda yang manis pun, boleh buat saya mengeluh. Tak tahu lah."

Nek Leha senyum sambil menutup mata.

"Sebab hati tu tak reda. Itu sebab mengeluh."

(Rehan Makhtar, 2015:31)

"Ginilah, Laila. Kamu buat solat hajat, istikharah... Mudah-mudahan kamu ada jawapannya."

"Nak ke Tuhan terima doa saya, nek?" soal Lai. Bukan dia meragui, tetapi dia pernah persoalkan saat ibu pergi dan ayah pula menyusul meninggalkan dia dan Liza yang terkapai-kapai sendiri. Kenapa? Mengapa? Bagaimana nasib mereka? Setiap doanya rasa tidak sampai kepada Pencipta. Rasa bagi setiap yang diminta dibiarkan berlalu bersama kecewa.

Cuma sekarang baru dia tahu, yang Tuhan telah tulis segalanya demi kebaikan. Bantuan itu akan hadir saat dia benar-benar memerlukan.

"Tuhan itu Maha Mendengar, Laila. Kalau Dia tak bagi lagi, Dia nak bagi yang lebih baiklah tu. Contoh senang. macam kamu dengan Zarul sendiri. Liza suka Zarul. Kalau kamu berjodoh dengan Zarul, boleh jadi ada benda tak baik berlaku depan hari antara kamu, Zarul dan Liza. Ini Tuhan jodohkan Zarul dengan Liza dan kamu pun tengah nak jumpa jodoh sendiri, ini dah kira baik. Setidak-tidaknya tak sekampung. Kamu boleh kenal dunia luar. Kamu boleh belajar bercinta semula. Kamu dengan Zarul tu aku rasa tak sesuai mana pun. Dia tu tak berapa faham kamu sebenarnya," jelas Nek Leha panjang.

(Rehan Makhtar, 2015: 148)

Karya Rehan Makhtar (2015) telah memperlihatkan sebuah nilai kasih sayang yang untuk antara Lai dan Nek Leha. seperti pertikan di atas membuktikan Nek Leha sangat mengambil berat serta mengasihi Lai seperti anaknya sendiri walaupun mereka tidak mempunyai pertalian darah yang utuh. Kasih sayang adalah emosi positif yang mendalam yang melibatkan cinta, penghargaan, dan

keprihatinan terhadap orang lain. Emosi itulah yang mendorong seseorang untuk memberikan sokongan, perlindungan, dan penjagaan kepada orang ramai tanpa mengharapkan balasan. Maka nasihat serta kasih sayang yang telah diberikan oleh Nek Leha kepada Lai sangat berarti dan bermakna membantu Lai melayari bahtera kehidupan setelah ketianan ibu bapanya.

#### **4.1.8 Hidup Masyarakat (Bertanggungjawab).**

Masyarakat adalah suatu kelompok manusia yang bersatu dalam permuaafakan maka sudah menjadi keperluan untuk mereka untuk saling bertanggung jawab serta bantu membantu antara satu sama lain. Hal ini kerana Adat Temenggung mempunyai sistem pemerintahan bangsawan yang dianggap popular sebagai model yang lebih authoritarian, yang ia telah membuktikan kesepakatan antara pemerintah yang telah menjadi contoh kepada masyarakat untuk menghidupkan keharmonian bersama. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017) memberi definisi ringkas mengenai tanggung jawab adalah merupakan segala kewajiban yang dipikul atau di tanggung seseorang. Ia membuktikan bahwa tanggung jawab ini adalah suatu perkara mustahak yang ada dalam diri manusia agar setiap dari mereka memiliki kepentingan dalam hidup.

Seperti petikan dibawah menunjukkan watak Lai yang sangat bertanggung jawab terhadap adiknya Liza dari membiayai pembelajaran sehingga membantu menjadi tulang belakang utama kepada perkawinan adiknya tanpa mengeluh sekalipun. Lai memikul tanggung jawab ini ekoran mereka berdua telah kehilangan kedua ibu bapa pada usia yang masih muda. Maka dengan itu tanggung jawab ini melekat di bahu Lai selaku anak sulung dalam keluarga.

Hari ini kenduri pula. Dialah yang paling letih. Dialah ibu dan dialah bapa kepada pengantin perempuan. Ramai tetamu yang

datang hendak bersua mata dengannya. Tidak boleh hendak menolak. Hati orang perlu dijaga Lagipun, ini sekali dalam seumur hidup. Lai pandang Liza yang sedang melayan tetamu. Juga Zarul yang sibuk melayan kawan-kawannya.

Bibir Lai terukir senyum. Rambut yang diikat ringkas dibetulkan. Wajah yang tetap pucat dan pakaian yang sudah sedikit comot kesan buat kerja dapur membantu pihak katering. Bukan apa, tidak betah apabila hanya duduk sahaja. Dia sudah terlalu biasa buat kerja sebelum ini.

(Rehan Makhtar, 2015: 50)

TELEFON bimbit masih lagi melekap pada telinga. Ingat hendak sambung ijazah. Kakaknya pun sudah ingatkan berkali-kali dalam kelembutan. Biarpun tiada paksaan, tetapi Liza tahu, Lai memang mahu dia menyambung pengajiannya. Ah, kasihan kakaknya yang banyak membantu, tetapi dia pun tidak boleh menolak jodoh yang sudah datang di hadapan muka pintu.

(Rehan Makhtar, 2015:15)

Kedua-dua petikan berikut telah menjelaskan sifat tanggungjawab Lai sebagai seorang kakak. Sifat ini digalas olehnya karena Liza merupakan satu-satunya ahli keluarga yang dia ada. Tanggungjawab yang diperlihatkan menunjukkan bahawa adat yang telah diwarisi mendidik dirinya untuk menghargai setiap apa yang ada dan melindungi kepentingan peribadi.

#### **4.1.9 Adat Istiadat (Perkawinaan)**

Perkawinan secara dasarnya adalah penyatuan dua hati dengan ijab dan kabul yang sah menurut Islam. Perkahwinan bukan sahaja menyatukan dua merpati sejoli itu, malahan menyatukan seluruh isi keluarga. Menurut pandangan Al-Mashri, S. M. (2016), perkahwinan adalah pernikahan itu seperti persatuan yang didasari oleh cinta dan kasih sayang. Jika demikian, kedua-dua pasangan harus berusaha membuat satu sama lain bahagia. Merujuk kepada konteks ini, suami atau isteri tidak menanyakan apa hak dan kewajiban, namun, masing-masing dari mereka akan melakukan yang terbaik untuk membuat pasangannya bahagia. Hal

ini jelas menunjukkan bahawa perkawinan seharusnya dilayari dengan berlandaskan kebahagian kedua-dua pihak yang bersatu hati. Maka dengan itu keharmonisan bersama dapat dibentuk dan dibina tanpa ada kesangsian sesama mereka.

Seterusnya, pandangan Adat Temenggung pula berpendapat bahawa dibenarkan untuk berkahwin dengan mereka yang tidak melanggar undang-undang syariah yang telah digariskan dalam Al Quran. Juga adat ini ada menggariskan bahawa lelaki adalah ketua keluarga, manakala wanita Selepas berkahwin, berpindah mengikuti suami serta wanita akan mengikut nasab sebelah suami. Perkahwinan yang melanggar syariat adalah dilarang adalah sama ada mempunyai pertalian darah kak (sumbang mahram), ibu susuan, dan sebagainya yang melanggar syariat islam. Menurut Cahyani, T. D. (2020) dalam penulisannya yang bertajuk *Hukum Perkahwinan* (Vol. 1) ada menerangkan pengertian perkahwinan dari segi bahasa, ialah Zauraja dan Nakaha yang telah diangkat daripada perkataan Arab. Di dalam Al-Quran turut menyatakan mengenai perkahwinan bagi umat islam. Zawaja membawa kepada pengertian pasangan manakalan Nakaha bermaksud menghimpunkan, apabila difahami kedua perkatan ini membawa kepada kesatuan dua orang insan menjadi satu. Melalui pengertian ini jelas diperlihatkan bahawa perkahwinan adalah permulaan kepada kehidupan dua insan yang telah dijodohkan oleh Allah SWT di dunia. Maka sebagai pasangan yang baik hidup bertimbang rasa, hormat menghormati serta berkasih sayang adalah kunci pembuka kepada pintu-pintu kebahagiaan.

"Lagipun, nak tangkap gambar. Buruklah nanti." Dia masih melutut di hadapan Lai setelah usai menjawab nikah dengan sekali lafaz sahaja.

Dan perasaan pertama kali melihat Lai disiapkan, adalah satu kepuasan biarpun tiada senyuman. Biarpun tidak banyak berubah tetapi Lai memang nampak lain. Biasanya nampak seperti anak gadis, tetapi hari ini nampak sebagai wanita. Sedang elok apa adanya Lai sebagai pengantin dia.

"Nak batal air sembahyang ni," beritahu Qadr perlahan.

Lai angguk. Dia suakan tangan kanannya. Tetapi Qadr menolak. Diukirkan senyum apabila Lai memandangnya. Lantas, kepala Lai ditarik rapat agar mendarat pada bahu kirinya. Ditarik keluar seutas rantai emas yang saling tak tumpah seperti rantai besi yang dipakai sewaktu bertugas. Bezanya, tertera perkataan LAILATULQADR di atas kepingan plak tersebut. Dipakaikan kemas pada leher Lai. Dibisikkan sesuatu hingga buatkan Lai terus menitiskan air mata.

"Cincin tu jauh dengan dada kau, Lai. Bukan sebab di dada tu ada sesuatu yang wanita ada tapi lelaki tak ada. Tapi, di dalam dada kau tu ada jantung, hati, limpa, paru-paru segala. Di mana di dalam dada bermula niat kau, bermula kasih sayang dan penerimaan kau terhadap segalanya. Sebab tu aku bagi rantai emas ni. Design aku buat sendiri sama dengan rantai besi yang ada dengan kau tu..."

(Rehan Makhtar, 2015:171)

Petikan tersebut menjelaskan bentuk tanggung jawab dan pimpinan seseorang lelaki setelah di ijab qobulkan. Maka jelas lah disitu masyarakat hari ini masih menjunjung adat yang telah dipelihara sekian lamanya untuk kelansungan generasi ke generasi agar budaya orang melayu di pelihara kemas dan di guana pakai dimasa hadapan.

Berdasarkan perbincangan melaui objektif satu berkenaan, jelas bahawa karya Rehan Makhtar ada mengarab unsur budaya serta adat dalam diri masyarakat ini kerana budaya serta adat yang di perlihatkan dalam novel tersebut adalah adat orang melayu yang masih kekal hingga ke hari ini. Adat Temenggung adalah suatu bentuk perundangan silap yang telah banyak membentuk pentadbiran negara. Adalah sangat tidak wajar sekiranya adat ini terus di tinggalkan oleh masyarakat di Malaysia dengan begitu sahaja. Hal ini kerana adat ini telah di bentuk bagi memanusiakan masyarakat setempat dan menjamin keharmonian negara pada zaman kesultanan Melayu lama. Oleh yang demikian

sudah menjadi suatu penghormatan kepada masyarakat sekiranya mengamalkan nilai budaya silam yang diwariskan kepada kita hari ini agar warisan Adat Temenggung dapat diwariskan kepada generasi yang akan datang.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.2 Analisis Teori Sosiologi Yang Menjadi Pengukuhan Kepada Adat Temnggung

Dalam Novel *Seseorang Untuk Aku*



Rajah 4: Pecahan Teori sosiologi daripada Emeli Durkheim dalam novel *Seseorang Untuk Aku*

#### 4.2.1 Biodata Tokoh

Emile Durkheim sebuah nama yang tidak asing lagi dalam dunia sosiologi. Ia kerana beliau merupakan pelopor utama bidang ini, dalam menerokai kehidupan masyarakat serta pembentukannya. James Fieser dan Bradley Dowden. (1995) ada menyatakan bahawa Durkheim sangat terkenal dalam bidang sosiologi di Perancis. Beliau mulai terkenal pada akhir abad ke 19 dan pada awal abad ke 20. Beliau merupakan pengasas utama kepada sosiologi modern bersama-sama Karl Marx serta Max Weber. Mereka telah menjadi batu asas kepada perkembangan sosiologi di dunia.

Seterusnya, David Émile Durkheim yang telah dilahirkan pada April 1858 di Épinal, yang terletak di wilayah Lorraine di Perancis. Beliau menamatkan pengajian pada tahun 1882 dan mula mengajar subjek itu di Perancis. Pada tahun 1887 beliau telah dilantik untuk mengajar Sains Sosial dan Pedagogi di Universiti Bordeaux, membenarkan beliau untuk mengajar kursus sosiologi rasmi yang pertama di Perancis. Durkheim secara rasmi menubuhkan disiplin akademik sosiologi dan secara amnya dianggap sebagai salah satu arkitek utama sains sosial modern, bersama-sama dengan Karl Marx dan Max Weber. Terdapat banyak karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau namun yang pertama adalah *On the Division of Labour in Society* (1893; *The Division of Labour in Society*), diikuti dengan (*Regulations of Sociological Method* pada tahun 1895), pada tahun yang sama Durkheim juga telah menubuhkan Jabatan Sosiologi Eropah pertama dan menjadi profesor pertama sosiologi di Perancis.

Menurut James Fieser dan Bradley Dowden (1995), pada tahun 1902, Durkheim akhirnya diberi kenaikan pangkat dalam bentuk pengurus Sains Pendidikan di Sorbonne. Pada tahun 1906 beliau menjadi profesor penuh. Selepas itu beliau merupakan pengurus Sains Pendidikan dan Sosiologi. Di sini beliau memberikan syarahan mengenai beberapa subjek dan menerbitkan beberapa esei penting serta karya utama terakhirnya, maka

terhasillah sebuah karya *The Elementary Forms of Religious Life* (1912). Namun setelah tercetusnya Perang Dunia I terbukti membawa kesan buruk kepada Durkheim, kerana akibat perperangan telah meragut nyawa pelajar-pelajar kesayangan beliau. Dari itu Durkheim tidak dapat pulih dan pada November 1917 dia meninggal dunia akibat stroke, meninggalkan karya hebat terakhirnya, akhlak, dengan hanya pengenalan di peringkat awal.

**4.2.2 Teori Sosiologi yang menjadi pengukuhan kepada Adat Temenggung dalam Novel *Seseorang Untuk Aku*.** Emile Durkheim meletakkan teori sosiologi kepada beberapa pecahan antaranya faktor sosial yang mengandungi kepercayaan beragama, konsep kecantikan, cara berpakaian serta bahasa dalam menilai sosial masyarakat.

### 1) Kepercayaan Beragama

Agama adalah kepercayaan yang wujud di dunia sebagai landasan atau panduan kehidupan kehidupan seseorang individu dalam menjalani kehidupan. Namun begitu agama adalah konteks penyatuan masyarakat, apabila masyarakat akan bersatu dalam menjalani ibadah demi kelangsungan agama-agama terbabit. Arif, A. M. (2020) menjelaskan dalam kajiannya bahwa Durkheim ada menulis dalam karyanya bertajuk *The Elementary Forms of Religious Life* (1912/1965) menjelaskan bahawa agama adalah bentuk fakta sosial nonmaterial. Dimana agama adalah bentuk cara masyarakat memperbaiki serta memelihara diri sendiri secara rohani. Dalam hal ini menunjukan bahwa Durkheim berpendapat pembentukan agama itu berasal daripada masyarakat itu sendiri. Maka disini pengaruh sosial masyarakat dalam beribadah adalah elemen penting dalam membentuk kelompok masyarakat harmoni.

Dalam konteks ini agama adalah elemen penting membentuk peribadi individu seklaigus masyarakat. Seperti watak Lai dalam novel Seseorang Untuk Aku yang menjelaskan agama adalah keperluan utama melebihi segalanya. Dimana tetap mencari petunjuk daripada Allah SWT.

"Ginilah, Laila kamu buat solat hajat istikhharah Mudah-mudahan kamu ada jawapannya."

"Nak ke Tuhan terima doa saya, nek?" soal Lai Bukan dia meragui, tetapi dia pernah persoalkan saat ibu pergi dan ayah pula menyusul meninggalkan dia dan Liza yang terkapai kapai sendiri. Kenapa? Mengapa? Bagaimana nasib mereka? Setiap doanya rasa tidak sampai kepada Pencipta. Rasa bagi setiap yang diminta dibiarkan berlalu bersama kecawa.

Cuma sekarang baru dia tahu, yang Tuhan telah tulis segalanya demi kebaikan. Bantuan itu akan hadir saat dia benar-benar memerlukan

"Tuhan itu Maha Mendengar, Laila. Kalau Dia tak bagi lagi, Dia nak bagi yang lebih baiklah tu. Contoh senang macam kamu dengan Zarul sendiri. Liza suka Zarul. Kalau kamu berjodoh dengan Zarul, boleh jadi ada benda tak baik berlaku depan hari antara kamu, Zarul dan Liza. Ini Tuhan jodohkan Zarul dengan Liza dan kamu pun tengah nak jumpa jodoh sendiri, ini dah kira baik. Setidak-tidaknya tak sekampung Kamu boleh kenal dunia luar. Kamu boleh belajar bercinta semula. Kamu dengan Zarul tu aku rasa tak sesuai mana pun. Dia tu tak berapa faham kamu sebenarnya," jelas Nek Leha panjang.

"Lagipun, bantuan Allah ni tak cepat tak lambat. Tapi akan datang pada masa yang tepat."

(Rehan Makhtar, 2015: 148)

Petikan diatas menunjukkan bahawa agama adalah simbol kekuatan bagi seseorang itu. Hal ini karena agama adalah Agama adalah kepercayaan dan syariat Islam serta pendekatan akhlak yang mengatur kehidupan dan perhubungan dalam kehidupan manusia. Menurut Jempa, N. (2018) agama adalah nilai khususnya Islam berpunca daripada kepercayaan kepada keesaan Tuhan. Semua nilai kehidupan manusia berakar umbi daripada kepercayaan serta keesaan Tuhan

yang menjadi asas agama Islam. Namun begitu berbeza pula dengan pandangan Durkheim percaya bahwa agama itu ada selalu ada manifestasi lain dari kesadaran kolektif. Tuhan sebagai sebagai simbol masyarakat itu sendiri, kesadaran kolektif yang kemudian ditransformasikan menjadi representasi kolektif berdasarkan kajian daripada Arif, A. M. (2020).

Agama adalah suatu bentuk kepercayaan mengenai kewujudan Tuhan sebagai yang utama. Maka jelaslah disini kehidupan sosial masyarakat dapat dibentuk melalui agama sekaligus nilai Adat temenggung sebagai peradaban dapat dibentuk melalui nilai-nilai agama yang diamalkan masyarakat.

## 2) Konsep Kecantikan

Kecantikan adalah suatu sifat subjektif yang dimiliki oleh semua orang. Ia kerana tahap kecantikan seseorang itu bergantung kepada pandangan individu tertentu. Kecantikan adalah salah satu daripada bentuk keyakinan individu dalam bersosial bersama masyarakat serta khalayak. Mustofa, A. Z. (2020) juga menyatakan bahawa, Durkheim percaya kekuatan ini terletak di luar individu, tetapi individu juga berpartisipasi di dalamnya, dan itu adalah masyarakat itu sendiri. Terakhir, yang sakral tidak hanya bersifat sosial, tetapi juga merupakan bentuk sosial yang merepresentasikan dirinya kepada para anggotanya. Perkara ini jelas menunjukkan kekuatan sosial ini bergantung kepada individu itu sendiri dalam melaksanakan kemahuan bersama antara satu dan yang lain. Durkheim turut berpikiran bahwa masyarakat yang bersosial adalah sebuah ketahanan dan keamanan bagi kelompok tersebut. Hal ini menjelaskan bahawa kekuatan sosial masyarakat adalah melalui individu maka kecantikan juga mempengaruhi kekuatan serta keyakinan individu dalam menghadapai masyarakat.

Kecantikan yang diperlihatkan secara zahirnya adalah pandangan individu. Hal ini seperti di dalam Novel seseorang untuk aku ini dimana Qadr mula merasakan kecantikan Lai dan kerap terbayang-bayang wajah Lai yang cantik walaupun hanya gadis desa.

Tambahan pula, wajah Lai makin kerap menerjah mindanya. Dia tidak minta pun. Malah, rasanya tidak fikirkan Lai langsung! Pandai-pandai pula menyelinap masuk di dalam kepala orang. Hah!

"Kenapa? Dah jatuh suka dekat dia?"

Qadr ketawa dengan telahan abah. Dia menggeleng berkali-kali. Mujurlah dalam telefon, kalau dekat rumah memang dia gelak golek-golek.

(Rehan Makhtar, 2015: 127)

Petikan di atas menunjukkan bahawa manusia akan mudah tertarik kepada seseorang individu melalui kecantikan. Kecantikan ini telah membuka peluang dalam sistem sosial masyarakat melalui personaliti yang menarik. Menurut Juliana, I., Safitri, N. L., dan Fadillah, W. (2023) Durkheim ada menjelaskan pada tahun 1858 bahawa perpaduan, adalah hubungan antara individu dan kelompok yang terikat oleh sentimen moral dan keyakinan yang dianut bersama. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat akan membuat sosialitasi apabila merasakan kenyamanan antara satu sama lain.

Konsep kecantikan disini membawa kepada kenyamanan individu dalam berinteraksi serta bekerjasama sesama mereka. Ia bukan merangkumi wajah sahaja namun kebersihan diri, cara berpakaian serta tingkah laku individu turut diambil perhatian. Maka kecantikan dilihat sangat penting dalam membina masyarakat bertamadun yang harmoni sekaligus dapat membina peradaban Adat Temenggung yang baik dalam kalangan masyarakat.

### 3) Cara Berpakaian

Pakaian adalah cara manusia untuk menutupi bahagian-bahagian tubuh yang tidak sepatutnya menjadi tontonan khalayak. Dimana menurut Fauzi, A. (2016) menjelaskan bahawa pakaian merupakan salah satu cara membezakan manusia, dan peranan pakaian adalah untuk menutupi aurat, bukan melambangkan status sosial seseorang. Pakaian wanita muslimah merupakan cerminan kepribadian, status kelas sosial, dan kebutuhan estetikanya, dan berbagai kebutuhan lainnya. Ia karena baginya, warna, bentuk, jenis, corak, gaya, kesesuaian pakaian dengan iklim, suatu tempat juga memiliki nilai kepuasan tersendiri dan dunianya sendiri pula. Maka dengan itu pakian adalah suatu perlambang kepada kelas sosial masyarakat yang membezakan dimana kedudukan sesebuah kelompuk masyarakat itu. James Fieser, Bradley Dowden. (1995) dimana mereka menjelaskan bahwa Emile Durkheim telah menjelaskan cara berpakaian di bawah kelas faktor sosial dimana adalah kunci kepada masyarakat, kerana ia adalah apa yang dibentuk dan dinyatakan melalui realiti fizikal iaitu masyarakat. Hal ini kerana masyarakat mempunyai pelbagai kelompuk, kaum serta agama yang berbeza maka pakian dapat menjelaskan kelas masyarakat terbabit.

Cara berpakaian disini terlihat sangat penting kerana melaui pakian masyarakat dapat menilai seseorang melalui pandanga pertama. Seperti Qadr yang mulanya terlihat dingin dengan Lai kerana pakain dan penampilannya yang begitu comot.

"Kawan-kawan saya datang. Awak pergi layan kejap. boleh?"

Lai angguk tanpa membantah. Malas hendak panjang cerita. Biarlah comot pun. Dia tahu muka dia pun sudah macam zombi. Biarlah. Kaki Lai menapak pada meja yang Zarul maksudkan. Padahalnya, layan diri. Tetapi, tidak mengapalah. Dia pun boleh dikira tuan rumah bagi pihak perempuan.

"Errr... Kawan Zarul, ya?" Lai menegur sopan. "Ya..." Ziyad memandang tepat kepada Lai. Berkerut kening. Terbayang wajah isterinya masa mula-mula mereka berjumpa dulu. Comotnya... Tetapi dia senyum juga. Biasa yang comot ini kalau bersiap, macam puteri kayangan. Terus disiku Qadr yang rakus meneguk air.

"Saya Ziyad... Ini errr..." Ziyad siku Qadr sekali lagi, tetapi Qadr tetap tidak mahu kalih.

Lai senyum. Dia faham sangat. Orang tidak sudi hendak memandang dia, dia pun tidak kesah. Dia datang ini kerana hormatkan tetamu.

"Saya kakak ipar Zarul. Liza masuk ke dalam. Kejap lagi dia keluar. Makanlah, ya? Saya nak ke belakang kejap." Tanpa menanti, Lai terus berlalu. Jelingan dan renungan kawan-kawan Zarul menakutkan.

Dia pandang dirinya sendiri. Hantu pun takut tengok aku! Senyuman sinis terukir untuk diri sendiri. Padanlah dia tidak berjodoh dengan Zarul. Tengok pada kawan-kawan Zarul pun, bukan main. Yang seorang itu tidak angkat kepala langsung dan dia juga tidak kesah. Tidak menjadi kudis buatnya. Langsung tidak! Tetapi, kenapakah air mata dia asyik mahu menitis?

(Rehan Makhtar, 2015: 55 & 56)

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan sosial manusia juga dapat diukur melalui cara mereka berpakaian serta membawa diri di hadapan khalayak. Menurut Sudarmi, S., dan Indriyanto, W. (2009), nilai sosiologi menjurus kepada membimbing manusia untuk berpikir dan bertindak dengan perilaku yang sesuai melalui nilai-nilai yang ada di masyarakat yang berperilaku sewajarnya. Serta dapat memotivasi atau mendorong orang untuk bertindak secara tepat untuk mencapai dirinya sendiri harapan atas peranan mereka dalam mencapai tujuan dan objektif hidup. Hal ini kerana tidakan berpakaian adalah nilai sosial yang kukuh dalam kalangan masyarakat serta disebarluaskan kepada umum ia dipanggil fashion. Melalui penulisan James Fieser dan Bradley Dowden. (1995), Durkheim telah menyediakan satu set peraturan untuk mengkaji fakta sosial. Peraturan pertama dan paling penting ialah menganggap fakta sosial sebagai sesuatu. Apa yang Durkheim maksudkan dengan ini adalah fakta sosial mempunyai kewujudan bebas daripada subjek yang mengetahui dan ia memaksakan diri kepada pemerhati. Hal ini membawa kepada cara berpakaian adalah pemerhatian sosial yang utama dalam menganalisis masyarakat.

Cara berpakaian dilihat sebagai suatu konsep sosial melalui fakta sosial yang dikeluarkan oleh Durkheim. Ia dimana pakaian membawa imej yang penting kepada seseorang individu itu, sekaligus membawa adat temenggung sebagai peraturan hidup melalui hukum syara yang mewajibkan pengikutnya menutup aurat sebaik mungkin. Maka pakaian adalah salah satu elemen sosial yang sangat penting.

#### 4) Bahasa

Komunikasi masyarakat adalah suatu perhubungan sosial yang erat melalui percakapan dan penggunaan bahasa yang sama. Interaksi penting dalam memupuk berhubungan agar ikatan kemasyarakatan dapat dibentuk dengan harmoni. Emile Durkheim mengelaskan bahasa sebagai kekuatan dalam faktor sosial dibawah pandangan beliau. Dimana melalui bahasa masyarakat akan berinteraksi serta bersosial sesama mereka sekaligus dapat mengembangkan kelompok yang telah dijalankan. Rahmawati, W., Asbari, M., dan Cahyono, Y. (2023) ada menyatakan bahawa Durkheim sempat mencatat bahwa hukum moral dan hukum pada dasarnya mencerminkan keperluan sosial, maka peraturan tersebut hanya dapat dilaksanakan oleh masyarakat itu saja. Ini adalah sesuatu yang didasarkan kepada “perspektif kolektif” sehingga tugas kita bukanlah mengambil etika (ketentuan) dari ilmu tetapi untuk membentuk sebuah etika. Oleh yang demikian jelaslah bahawa etika dalam berbahas adalah bentuk kepada pelaksanaan masyarakat itu sendiri dalam berkomunikasi sesama mereka bagi membentuk kestuan masyarakat. Melalui penulisan James Fieser dan Bradley Dowden. (1995) ada menggariskan bahwa Emile Durkheim menjelaskan unsur penting dan sering disalahfahamkan dalam pendekatan sosiologi, ia boleh didapatkan dalam apa yang dikenali sebagai realisme sosial Durkheim, atau idea bahawa

masyarakat adalah entiti sebenar secara objektif yang berautonomi untuk mana-mana individu tertentu. Ini adalah contoh Preskripsinya untuk menganggap fakta sosial sebagai perkara tersebut. Perkara ini menjelaskan bahawa realisme sosial adalah merupakan unsur penting dalam sosiologi dibawah pemikiran Durkheim ia kerana ia membawa objektif serat entiti sebuah masyarakat tersebut. Maka bahasa merupakan entiti utama yang membawa berbeza dalam pertuturan masyarakat.

Bahasa yang dituturkan adalah elemen yang sangat penting dalam menghubungkan masyarakat. Tidak kira lah menggunakan bahasa isyarat maupun komunikasi secara normal. Seperti watak Lai dalam novel Seseorang Untuk Aku yang sangat mesra berhubungan dengan Nek Leha dan sangat menjaga adapa serta sopan santunnya dalam berbicara walaupun mereka kawan.

"Nek..."

"Hmmm..."

"Saya nak pindah ke bandarlah, nek. Boleh tak?" Lai dongak ke langit. Matahari sudah terik. Mata dia rasa sembah dan tubuh dia rasa tidak bermaya langsung.

"Dah kenapa pula?" Suara Nek Leha jelas tidak puas hati.

"Sebab Zarul dengan Liza?"

Lai hanya angguk. Tidak diceritakan apa yang telah terjadi. Malas mahu ungkit kisah pedih malam tadi. Kerana cinta, semua orang hampir jadi gila. Dia pun mangsa, tetapi kenapa Liza tidak mengerti?

"Alaaa Sakit kejap aje. Lama lama nanti kamu eloklah tu. Apa nak risau sangat? Bukan dia orang duduk rumah kamu pun

"Dia orang ada dekat rumah. Balik malam tadi Nek Leha panggung kepala

"Nak duk situ selamanya ke?"

Bahu Lai naik

"Tapi, semalam pun saya ni jadi sesak nafas dah. nek. Kalau kata selamanya, tak bernyawa saya."

"Eleh Cakap macamlah udara ni Liza dengan Zarul yang bagi dekat kamu, Laila, Cuba mengucap sikit Ingat Tuhan. Tak adanya dia nak duduk lama di dalam rumah yang tak ada apa tu. Adik kamu tu dah ada keluarga sendiri, kamu kena rela lepaskan dia pergi.

(Rehan Makhtar, 2015: 67 & 68)

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan komunikasi menggunakan bahasa yang sama dalam masyarakat menunjukkan sistem sosial masyarakat. Hal ini kerana bahasa adalah medium yang dilihat sangat penting dalam faktor sosial yang di ketengahkan oleh Durkhemi kerana bahas adalah bahasa merupakan komponen utama dalam kehidupan. Manusia memanfaatkan bahasa sebagai medium komunikasi secara langsung mahupun bertulis. Perbualan atau penulisan, apabila bahasanya baik dan teratur, boleh membawa maksud yang mendalam dan menyentuh emosi. Sosiologi dilihat sebagai penyelesaian kepada permasalahan masyarakat. Menurut Haris, A. (2021), menyatakan bahawa Durkheim mengelaskan fakta sosial kepada dua perkara, iaitu yang pertama adalah alam bentuk kebendan seperti benda yang dapat dirasai, dilihat serta disentuh. Hal ini kerana ia membawa kepada keadan dunia nyata yang telah membentuk sosial masyarakat. Kedua adalah bentuk non material atau tidak nyata, kerana sosial itu adalah perkara yang tidak nyata pada dasarnya namun merupakan fenomena yang bersifat intersubjective yang hanya dapat muncul dari dalam kesadaran manusia. Pembahagian aspek-aspek ini menjelaskan bahawa sosial adalah keadan masyarakat yang pelbagai ragam dan kemahuan yang perlu di selesaikan dengan menggunakan teori ini. Begitu juga bahasa dimana ia adalah kaedah masyarakat dalam berinteraksi serta menyampaikan emosi.

Bahasa adalah elemen penyampaian yang sangat penting bagi masyarakat hari ini tidak kira secara penulisan mahupun komunikasi. Masing-masing membawa peranan dalam mengembangkan sistem sosial sekaligus membawa Adat Temenggung sebagai perbendaharan hidup masyarakat melalui keharmonian bahasa bersama.

Kesimpulan teori sosiologi yang di cetuskan oleh bapa sosiologi iaitu Emeli Durkhem banyak memberi impak positif dalam kehidupan bermasyarakat. Namun begitu Durkhem juga telah mengelaskan teori ini kepada kelas atau elemen yang lebih mudah kepada masyarakat iaitu faktor sosial dan Solidariti Sosial yang secara umumnya membincangkan aspek individu dalam masyarakat. Hal ini juga menaikkan kejelasan Adat Temenggung sebagai satu perundangan yang salah yang telah banyak melancarkan pentadbiran negara. Ia kerana adat dan sistem sosial setiasa bersatu dalam mengekalkan warisan serta budaya tanpa masyarakat sedar. Maka dengan itu, amatlah tidak wajar jika adat ini terus ditinggalkan oleh masyarakat Malaysia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Pada bab ini akan merangkumkan segala cadangan dalam membangunkan kajian ini di masa akan datang bagi kelestarian bersama. Dimana kajian ini merangkumi dua aspek utama dalam menjadikan Adat Temenggung sebagai sebuah konteks kemasyarakatan dalam novel seseorang untuk aku karya Rehan Makhtar serta melihat keberkesanan adat Temenggung berdasarkan teori sosiologi daripada Emile Durkheim. Dalam bab ini juga mencadangkan langkah-langkah yang terbaik dalam membentuk pemahaman masyarakat agar terus kekal memartabatkan Adat Temenggung dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana masyarakat mula mengetepikan adat dalam kehidupan mereka sedangkan adat itu adalah sangat dekat dengan masyarakat tanpa disedari.

Seterusnya Adat mempunyai berbagai kepentingan dalam masyarakat yang merangkumi pelbagai aspek antaranya aspek sosial, budaya, ekonomi, dan politik. Dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional, adat atau kebiasaan didasarkan pada suatu hukum yang tertulis maupun tidak tertulis dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini mencakupi kepada pelbagai aspek kehidupan sehari-hari, baik politik, ekonomi atau sosial masyarakat khususnya di Malaysia. Namun begitu kedatangan inggeris dengan memperkenalkan hukum barat ke Tanah Melayu sedikit menghuru-harakan sistem peraturan yang telah sebatи dalam masyarakat. Perubahan dilakukan bagi menguasai kepentingan orang Melayu sebagai penduduk minoritas masa itu.

Oleh yang demikian Adat Temenggung dapat dipelihara bagi menjaga Identitas dan kepentingan peribadi. Hal ini kerana adat dapat membantu menjaga jati diri dan jati diri suatu kelompok atau masyarakat. Nilai, norma, dan tradisi yang terkandung dalam adat

istiadat merupakan bagian integral dari identitas budaya. Adat Temenggung juga sebagai pengaturan kehidupan sosial masyarakat kerana adat telah memberikan kerangka interaksi sosial dalam masyarakat. Aturan, norma, dan nilai adat menjadi pedoman kepada perilaku masyarakat dalam kehidupan sehari-hari, termasuk masalah pernikahan, persahabatan, dan konflik yang sering menjadi perhatian masyarakat. Dalam pada itu adat juga berperanan sebagai warisan budaya kepada perkembangan tamadun masyarakat dimana adat istiadat dan kebiasaan merupakan warisan budaya yang diturunkan dari generasi ke generasi. Ini mencakup seni, musik, tari, cerita rakyat, dan berbagai ekspresi budaya lainnya yang merupakan bagian penting dari identitas suatu kelompok. Maka dengan itu, pentingnya adat dapat memvariasi dalam berbagai konteks dan masyarakat, malah merangkumi aspek keseluruhannya, adat juga membentuk fondasi budaya dan sosial yang penting dalam memandu kehidupan dan interaksi masyarakat.

UNIVERSITI  
KELANTAN

### 5.1 Kesimpulan Kajian

Sebagai kesimpulannya, dalam novel *Seseorang Untukku* karya Rehan Mohtar, ada memamerkan tradisi adat Temenggung yang merupakan simbol penting dalam mencerminkan nilai-nilai tradisional dan struktur sosial masyarakat Melayu. Adat Temenggung berperan dalam menjaga keseimbangan sosial dan ketertiban masyarakat. Kekalkan kesinambungan budaya Melayu adalah peranan penting adat ini di bentuk. Ia merangkumi semua aspek kehidupan, termasuk cara berpakaian, etika pertuturan, adat perkahwinan dan banyak lagi. Dengan memelihara adat Temenggung, masyarakat Melayu dapat memastikan warisan budaya ini kekal diwarisi turun-temurun agar adat ini tidak dilupakan begitu sahaja. Adat ini juga bertindak sebagai pelekat sosial, dalam mengeratkan hubungan antara individu dalam kelompok masyarakat. Dengan melaksanakan adat resam yang telah menjadi tradisi bangsa ini, masyarakat Melayu mula bersatu dan mengekalkan keharmonian, seterusnya menggalakkan perpaduan dan persaudaraan sesama mereka. Maka dengan itu, adat temenggung memainkan peranan yang sangat penting dalam masyarakat Melayu, dalam membentuk identiti budaya dan persefahaman, mengukuhkan hubungan sosial, dan menyediakan jaringan nilai dan norma yang penting untuk keharmonian dan kestabilan masyarakat.

Seterusnya, dari sudut pandang pengukuhan teori pula, melalui teori sosiologi dipelopori oleh Emile Durkheim, adat Temenggung dapat dilihat sebagai contoh apa yang disebut Durkheim sebagai “Faktor Sosial”. Faktor Sosial ini merangkumi kepada integrasi sosial melalui Agama, Konsep kecantikan, Cara berpakaian dan Bahasa dalam menilai kepribadian masyarakat. Faktor sosial yang ditekankan oleh Emile Durkheim memberikan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana masyarakat berfungsi dan bagaimana faktor sosial ini mempengaruhi tingkah laku dan kehidupan manusia. Teori ini meletakkan asas yang kukuh untuk bidang sosiologi dan terus menyumbang kepada pemikiran sosiologi moden. Dalam konteks adat Temenggung, nilai-nilai adat dan norma-norma

sosial yang dipegang teguh masyarakat mempersatukan individu-individu dalam masyarakat. Selain itu, adat istiadat Temenggong juga mewujudkan konsep “kesadaran kolektif” yang dikemukakan Durkheim. Kesadaran kolektif mengacu pada kesatuan idea, keyakinan dan nilai-nilai yang dimiliki bersama oleh anggota masyarakat. Natijahnya, adat istiadat Temenggong dalam novel “*Seseorang Untuk Aku*” mencerminkan pentingnya nilai-nilai tradisional dan struktur sosial dalam pembentukan dan pemeliharaan kohesi sosial masyarakat Melayu. Konsep sosiologi Emile Durkheim dapat membantu kita memahami pentingnya adat istiadat Temenggong dalam menjaga keseimbangan sosial dan identitas kolektif.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 5.2 Cadangan Kajian

Kritikan terhadap kajian adat dalam sebuah novel bisa berasal dari berbagai sudut pandang dan bisa mencakup beberapa aspek. "Adat Temenggung" secara amnya merujuk kepada adat dan amalan tradisional yang dikaitkan dengan status Temenggung dalam budaya Melayu tertentu, khususnya di Malaysia dan Indonesia. Evolusi "Adat Temenggung" boleh merangkumi banyak aspek, termasuk struktur pemerintahan, sistem perundungan, hierarki sosial dan ritual. Lama kelamaan, pengaruh luar seperti pemerintahan kolonial, pemodenan dan globalisasi juga mungkin memainkan peranan dalam pembentukan dan perubahan amalan tradisional ini.

Oleh yang demikian bagi memperkuatkan lagi sistem adat temenggung dalam masyarakat, terdapat beberapa cadangan dilihat sangat berkesan dalam menegakkan keaslian warisan ini. Adat temenggung atau sistem kepemimpinan tradisional memainkan peran penting dalam memelihara identitas budaya dan mengatur kehidupan sosial masyarakat. Maka dengan itu berikut adalah beberapa cadangan yang dapat diterapkan untuk memperkuat adat temenggung dalam masyarakat. Pendidikan dan penyuluhan kepada semua peringkat anggota masyarakat bagi memahami serta mendalamai Adat Temenggung agar kekal dengan melibatkan masyarakat dalam kegiatan pendidikan dan penyuluhan untuk meningkatkan pemahaman tentang nilai-nilai adat temenggung. Hal ini ekoran kerana dapat dilihat dimana masyarakat hari ini masih kurang ilmu serta pemahaman mengenai kepentingan kebiasaan ini. Maka dengan itu pergolakan dapat dilakukan dengan penganjuran seminar, lokakarya, atau kampan informasi secara meluas kepada masyarakat dengan bertujuan sebagai pendidikan mengenai hukum ini.

Seterusnya penguanan institusi adat oleh pihak-pihak berkepentingan. Ia bagi menggalakan tanggung jawab pihak berwajib dalam melestarikan Adat Temenggung

sebagai budaya yang harus dipelihara. Hal ini dapat dilihat melalui penguatan institusi adat temenggung dengan melibatkan tokoh-tokoh adat dan memastikan bahwa mereka memiliki peran yang aktif dalam pengambilan keputusan masyarakat. Ini biasanya dilakukan dengan memperkuat dewan adat atau badan yang bertanggung jawab atas urusan adat. Hal ini dilihat sangat wajar kerana adat adalah perlombagaan masyarakat yang bertujuan memperkuuhkan keharmonian bersama maka memelihiaranya adalah tanggungjawab bersama.

Dalam pada itu, pelibatan generasi muda dalam sama-sama mengorak langkah dalam membina pengukuhan pegangan adat adalah amat dihargai. Hal ini kerana generasi muda tampaknya kurang berminat dan mengerti peranan adat ini diwujudkan dan mengapa perlu dikekalkan oleh mereka. Melihat generasi muda berpotensi dalam upaya memperkuuh adat temenggung kerana mereka merupakan penerus atau penggerak warisan budaya Malaysia. Maka, ini dapat dilakukan melalui pendidikan formal dan non-formal, seperti memasukkan pelajaran adat dalam kurikulum sekolah atau mendirikan organisasi pemuda yang berfokus pada pelestarian adat. Bagi menyuntik semangat serta kesedaran generasi ini tentang kepentingan adat ini bagi masyarakat dahulu dan mengapa ini masih dianggap relevan kepada kita hari ini.

Akhir kata penting untuk melibatkan masyarakat secara luas dalam proses pelestarian adat temenggung dan memastikan bahwa upaya-upaya ini bersifat inklusif dan berkelanjutan. Hal ini bagi mencorakkan kesimbangan budaya yang diwariskan kepada generasi mendatang dalam memperkuuhkan institusi Adat sebagai perlambangan budaya.

Kesimpulannya Adat Temenggung adalah suatu perlombagan atau kebiasaan masyarakat yang seharusnya dipelihara agar masyarakat adap mehghayati serta memahami konteks yang disampaikan bagi memelihiaranya kepentingan masyarakat. Adat ini

adalah bentuk ketaatan masyarakat melalui aturan-aturan yang digubal agar membentuk masyarakat yang mempunyai akidah dan pegangan yang kuat. Hal ini dilihat sangat penting kerana adat sering dilupakan oleh masyarakat hari ini ekoran masyarakat menggap adat adalah suatu peradaban yang lapuk atau kuno. Maka kajian ini dilihat sebagai mengubah persektif masyarakat dalam memartabatkannya di peringkat yang lebih baik.



**RUJUKAN:****Buku**

- Al-Mashri, S. M. (2016). Perkawinan Idaman. Qisthi Press.
- Cahyani, T. D. (2020). Hukum Perkawinan (Vol. 1). UMMPress.
- MALAYSIA, D., & AWAL, S. T. (2018). Bab. Adat Perpatih, 1.
- Makhtar, R. (2015). Seseorang Untuk Aku. Selangor: Penerbitan Karya Seni Sdn. Bhd
- Sayyid Sabiq. 1990. Fiqh al-Sunnah. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Diyan
- Sudarmi, S., & Indriyanto, W. (2009). Sosiologi. Jakarta: Depdiknas.
- Umanailo, M. C. B. (2019). Emile Durkheim.
- II, B. (2014). A. Pengertian Novel.

**Janal**

- Ajis, A. B., & Ijazah, U. M. (2016). Kesantunan Melayu Dalam Majlis Akad Nikah Adat Perpatih Dan Adat Temenggung Di Beberapa
- Ail, N. A. M. (2011). Kajian terhadap temenggung dan perpatih satu perbandingan adat istiadat perkahwinan (Doctoral dissertation, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan).
- Al-Mashri, S. M. (2016). Perkawinan Idaman. Qisthi Press.
- Arif, A. M. (2020). Perspektif Teori Sosial Emile Durkheim Dalam Sosiologi Pendidikan. Moderasi: Jurnal Studi Ilmu Pengetahuan Sosial, 1(2), 1-14.
- Ardlin, F. (2010). Waktu Sosial Perspektif Emile Durkheim.
- Adelia, Y., Pahlavi, S. R., Sapriadi, S., & Syamsiah, S. (2022). Eksistensi dan Penerapan Hukum Adat di Kota Jambi dan Sekitarnya. Journal of Research and Development on Public Policy, 1(4), 99-118.
- Cahyani, T. D. (2020). Hukum Perkawinan (Vol. 1). UMMPress.
- Fauzi, A. (2016). Pakaian wanita Muslimah dalam perspektif hukum Islam. Iqtishodia: Jurnal Ekonomi Syariah, 1(1), 41-58.

- Harun, J. (2008). Kajian naskhah undang-undang adat Melayu di London. *Sari (ATMA)*, 26, 127-148.
- Haris, A. (2021). Teori Sosiologi Modern. Penerbit LeutikaPrio.
- Hisyam, C. J., Simanjuntak, D. J., Tuffahati, F., Fakhria,
- 'Imaduddin & Noor Shakirah. 2016. Tafsir Ayat-Ayat al-Quran berkenaan Penjagaan Alam Sekitar dan Analisis Isu-Isu Alam Sekitar Di Malaysia, Afkar Vol. 18 Issue 1 (2016): 91-130.
- I., Safaatun, M. A., & Al-Fauziah, R. A. (2023). MENILIK BUDAYA PENJARA: TEORI STRUKTURAL FUNGSIONAL EMILE DURKHEIM. *Kultura: Jurnal Ilmu Hukum, Sosial, dan Humaniora*, 1(3), 133-141.
- Jaafar, S. (2002). Adat perkahwinan tradisional Melayu Melaka (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka).
- Jailani, M. S. (2013). Kasih sayang dan kelembutan dalam pendidikan. *Al-Fikrah: Jurnal Kependidikan Islam IAIN Sulthan Thaha Saifuddin*, 4, 56476.
- Jempa, N. (2018). Nilai-Nilai Agama Islam. *Jurnal Pedagogik*, 1(2), 101-112.
- Juliana, I., Safitri, N. L., & Fadillah, W. (2023). SOLIDARITAS MASYARAKAT PESISIR DALAM TRADISI PETIK LAUT. *Jurnal Ilmiah Kesehatan Masyarakat Dan Sosial*, 1(2), 1-9.
- Mahfud, C. (2014). The Power of Syukur: Tafsir Kontekstual Konsep Syukur dalam al-Qur'an. *Epistemé: Jurnal Pengembangan Ilmu Keislaman*, 9(2), 377-400.
- Mamat, N. (2000). Adat istiadat perkahwinan orang Melayu lama di Melaka (Doctoral dissertation, UITM MELAKA).
- Mustofa, A. Z. (2020). Konsep Kesakralan Masyarakat Emile Durkheim: Studi Kasus Suku Aborigin di Australia. *Madani Jurnal Politik Dan Sosial Kemasyarakatan*, 12(03), 265-280.
- Mohamed, A., & Sulong, J. (2016). Perubahan bentuk amalan wasiat masyarakat Melayu: kesan kedatangan Islam. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9(2), 195-222.
- Nugroho, M. D., & Supratno, H. (2020). Realitas Sosial dalam Novel Cermin Jiwa Karya S. Prasetyo Utomo (Kajian Teori Emile Durkheim). *Jurnal Sapala*, 7(1), 1-11.

- Oktaviani, N. P. S., & Sukmantara, N. (2020). Konsep Cinta Menurut Mahatma Gandhi. *Vidya Darsan: Jurnal Mahasiswa Filsafat Hindu*, 1(1), 41-53.
- Prasetyo, D. (2019). Memahami masyarakat dan perspektifnya. *Jurnal Manajemen Pendidikan Dan Ilmu Sosial*, 1(1), 163-175.
- Ratna, N. K. (2019). Metodologi penelitian kajian budaya dan ilmu sosial humaniora pada umumnya.
- Rahmawati, W., Asbari, M., & Cahyono, Y. (2023). Nilai Moral dan Etika: Perspektif Emile Durkheim. *Literaki: Jurnal Manajemen Pendidikan*, 1(02), 12-16.
- Sudarmi, S., & Indriyanto, W. (2009). *Sosiologi*. Jakarta: Depdiknas.
- Salim, M. (2017). Bhinneka tunggal ika sebagai perwujudan ikatan adat-adat masyarakat adat nusantara. *Al Daulah: Jurnal Hukum Pidana Dan Ketatanegaraan*, 6(1), 65-74.
- Sulong, J. (2012). Amalan Pembahagian Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 23(1), 99-131.
- Sunarto, K. (2005). *Pengantar sosiologi*. Universitas Indonesia Publishing.
- Sari, T., Yasin, A. F., & Walid, M. (2022). Urgensi Pendidikan Keluarga Dsala Pengembangan Budaya Gemar Membaca Siswa. *Khazanah Intelektual*, 6(1), 1335-1354.
- Syukeri idris. (2023). *Adat Temenggung dan Perpatih*. AEEA. Online PDF
- Tunas Effandy, (2005) *Sopan Santun Melayu, Bentuk dalam Dunia Global*. Kuala Lumpur: Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Veronica, A., Abas, M., Hidayah, N., Sabtohadi, J., Marlina, H., Mulyani, W., & Aulia, S. S. (2022). *Metodologi Penelitian Kuantitatif*. Get Press.

### Kajian Internet

- ALFI YUDA (2022). *Pengertian Novel Menurut Para Ahli, Ciri, Struktur, Unsur, dan Jenisnya*. Artikal Online.  
<https://www.bola.com/ragam/read/4987047/pengertian-novel-menurut-para-ahli-ciri-struktur-unsur-dan-jenisnya>
- James Fieser, Bradley Dowden. (1995). *Internet Encyclopedia of Philosophy and its Authors*: Émile Durkheim (1858—1917). <https://iep.utm.edu/emile-durkheim/>
- S. IDRIS (2023). *Adat Temenggung dan Perpatih*.  
[https://www.academia.edu/7158920/adat\\_temenggung\\_dan\\_perpatih](https://www.academia.edu/7158920/adat_temenggung_dan_perpatih)

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017).

Novel. Online. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=novel>

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017).

Cinta. Online. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=cinta>

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017).

Keluarga. Online. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=keluarga>

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017).

Kasih Sayang. Online. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kasih+sayang>

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2017).

Tanggungjawab. Online. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tanggungjawab>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN